

4

Prestasi Sektoral

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar untuk tahun 1995 dianggarkan sebanyak 9.6% (1994:9.2%) berasaskan pertumbuhan berterusan yang kukuh di bidang perkilangan, pembinaan, sektor perkhidmatan dan juga prestasi yang baik di sektor perlombongan. Walaupun sebahagian besar daripada pertumbuhan ekonomi masih berasal daripada sektor perkilangan dan perkhidmatan, pemulihan di sektor pertanian daripada kemerosotan 1% pada 1994 kepada pertumbuhan 4.2% dalam 1995 merupakan suatu sumbangan yang signifikan dari segi meningkatkan pertumbuhan KDNK keseluruhannya.

Oleh sebab tempahan jualan yang kukuh serta perkembangan kapasiti di kalangan kilang, nilai ditambah dalam **sektor perkilangan** dianggarkan bertambah 14.7% pada 1995 (1994: 14.7%). Industri yang mengeluarkan komponen elektronik, barangan elektrik, jentera pengangkutan, bahan-bahan pembinaan, tekstil dan pakaian adalah sumber utama yang mendorong pertumbuhan sektor perkilangan. Kegiatan yang cergas dalam sektor ini dijangka akan terus meningkatkan sumbangannya kepada kadar pertumbuhan KDNK sebenar, iaitu daripada 47.9% pada 1994 kepada 48.4% pada 1995. Sumbangan sektor ini dari segi pembahagian KDNK juga akan bertambah daripada 31.6% kepada 33.1%.

Sektor pembinaan dijangka akan mengekalkan pertumbuhan pada kadar 15.2% pada tahun 1995. Sumber pertumbuhan tinggi ini berpunca daripada permulaan pembinaan baru untuk rumah kediaman serta bangunan komersial, di samping pelaksanaan projek-projek raksasa. Bagaimana pun, memandangkan sumbangan sektor ini kepada KDNK hanya 4.4%, pertumbuhan yang kukuh dari sektor pembinaan cuma mandatkan 6.6%

kepada kadar pertumbuhan KDNK secara keseluruhannya.

Pemulihan sebanyak 5.2% bagi prestasi **sektor pertanian** adalah disebabkan oleh hasil yang lebih tinggi daripada getah dan kelapa sawit. Keluaran kelapa sawit yang lebih tinggi diperolehi dari pemulihan keadaan melawas dan juga harga komoditi yang lebih baik. Bagi getah pula, keluaran tinggi disebabkan oleh kenaikan harga getah semasa separuh pertama tahun 1995.

Pertumbuhan keluaran bagi **sektor perlombongan** dijangka akan mencapai 7.4% (1994:2.5%), berasaskan keluaran tambahan sebanyak 5.2% dari petroleum (1994: 1.9%) yang dihasilkan daripada telaga minyak baru di Sarawak serta peningkatan keluaran gas sebanyak 24.1% (1994: 12.6%). Keluaran timah sebaliknya dijangka akan merosot sebanyak 7.7% kerana ketandusan deposit tin yang mudah dilombong dan juga penutupan lombong bijih timah atas sebab kos operasi yang terlalu tinggi.

Sejajar dengan kegiatan ekonomi cergas yang telah mendorong permintaan untuk pelbagai perkhidmatan, nilai ditambah untuk **sektor perkhidmatan** dianggarkan bertambah sebanyak 8.9% (1994:9.7%). Sektor-sektor kecil yang dijangka akan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi ialah perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran (daripada 8% kepada 9%); pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (daripada 12.4% kepada 13%); elektrik, gas dan air (daripada 13.7% kepada 14%). Sektor kecil kewangan, insuran, hartanah dan perkhidmatan perniagaan pula mencatat suatu kadar pertumbuhan yang sama, iaitu 10% pada tahun 1994 dan 1995. Nilai ditambah bagi perkhidmatan kerajaan akan bertambah sederhana sebanyak 4% (1994: 9.4%). Memandangkan kadar pertumbuhan sektor perkhidmatan yang tidak

Jadual 4.1

KDNK: Prestasi Mengikut Sektor
(%)

	1994			1995 ^e		
	Kadar Per-tumbuhan	Sumbangan kepada KDNK	Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK	Kadar Per-tumbuhan	Sumbangan kepada KDNK	Sumbangan kepada Pertumbuhan KDNK
Pertanian, Perhutanan dan perikanan ¹	-1.0	14.6	-1.7	4.2	13.9	6.4
Perlombongan (bagi petroleum)	2.5 (1.9)	7.5 (6.2)	2.2 (1.4)	7.4 (5.2)	7.3 (6.0)	5.8 (3.3)
Perkilangan	14.7	31.6	47.9	14.7	33.1	48.4
Pembinaan	14.1	4.2	6.1	15.2	4.4	6.6
Perkhidmatan	9.7	44.3	46.4	8.9	44.0	40.8
<i>Tolak</i> Bayaran per-khidmatan yang dikenakan	15.1	6.7	10.4	14.0	7.0	9.8
<i>Campur</i> Cukai import	21.9	4.5	9.5	4.0	4.3	1.9
KDNK	9.2	100.0	100.0	9.6	100.0	100.0

¹ Termasuk ternakan dan hotikultur.

^e Anggaran.

setanding dengan kadar untuk KDNK, sumbangan sektor ini kepada kadar pertumbuhan KDNK dianggarkan merosot daripada 46.4% kepada 40.8% di tahun 1995; sementara sumbangan terhadap KDNK turun kepada 44% (1994. 44.3%).

Sektor Perkilangan


Tinjauan

Pada tahun 1995 sektor perkilangan dijangka terus mengekalkan kedudukannya sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara. Kadar pertumbuhan pengeluaran dijangka kekal pada tahap 14.7%, sama seperti tahun 1994, dirangsang oleh permintaan yang terus

menggalakkan dari luar dan dalam negeri. Pertumbuhan ini dijangka meningkatkan lagi sumbangan sektor ini kepada KDNK daripada 31.6% pada tahun 1994 kepada 33.1% dalam tahun 1995.

Peningkatan pertumbuhan sektor perkilangan ini digambarkan dalam kaji selidik Jangkaan Perniagaan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Berdasarkan temuan-temuan yang diperolehi, sektor ini dijangka mengalami pertumbuhan pendapatan kasar yang ketara iaitu sebanyak 10.9% bagi tahun 1995. Industri-industri yang dijangka mengalami pertumbuhan tinggi dalam pendapatan kasar ialah jentera elektrik, kelengkapan dan peralatan (14.5%)

Carta 4.1
Indeks Pengeluaran Perkilangan
(1988 = 100)



peralatan pengangkutan (32.6%) industri kimia (5.5%) makanan (3.2%) pakaian (15.2%) penapisan petroleum (6%) dan tembakau (11.6%) sementara pendapatan kasar bagi jentera (tidak termasuk elektrik dan keluaran getah) dijangka berkurangan sedikit.

Mengikut Indeks Pengeluaran Perindustrian, pengeluaran pada keseluruhannya berkembang pada kadar 14.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan 14.3% bagi tempoh yang sama tahun 1994. Pertumbuhan sektor ini terus kukuh disebabkan oleh pengembangan pengeluaran industri-industri berorientasikan pasaran eksport dan industri-industri berorientasikan pasaran dalam negeri. Pengeluaran industri berorientasikan pasaran eksport sebagai satu kumpulan, meningkat sebanyak 16.8%, dengan keluaran jentera elektrik dan elektronik sebagai penyumbang utama pertumbuhan. Keluaran industri tekstil dan pakaian, keluaran kayu dan getah juga meningkat walaupun

sederhana, selaras dengan permintaan yang berterusan dari luar negara. Pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri meningkat pada kadar 12.6% berbanding dengan pencapaian sebanyak 11.5% pada tempoh yang sama tahun 1994, mencerminkan permintaan dalam negeri yang mampan. Permintaan dalam negeri yang terus berkembang disokong oleh pertumbuhan kukuh industri logam asas dan industri keluaran galian bukan logam berikutan aktiviti pembinaan dan kegiatan industri yang berterusan.

Sektor perkilangan terus menghadapi kekurangan tenaga buruh menyebabkan meningkatnya persaingan di kalangan majikan bagi mendapatkan pekerja dengan cara tawar menawar gaji yang lumayan. Keadaan ini menyebabkan peningkatan kadar pengantian kerja tenaga buruh. Kecuali jika produktiviti meningkat sejajar dengan peningkatan kadar upah, kos seunit buruh akan meningkat. Keadaan ini mungkin mengakibatkan harga barangan buatan Malaysia tidak lagi berdaya saing dan mengurangkan keupayaan bersaing dengan keluaran-keluaran yang serupa oleh negara-negara yang mempunyai lebih tenaga buruh di rantau ini.

Oleh yang demikian, sektor perkilangan perlulah mengambil pendekatan strategik ke arah proses pengeluaran berteknologi tinggi yang efisien serta mengurangkan tenaga kerja untuk meningkatkan produktiviti dan mengekalkan harga yang kompetitif. Untuk memudahkan peralihan ini, sektor perkilangan hendaklah memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia melalui latihan dan latihan semula pekerja, supaya mereka mempunyai kemahiran yang diperlukan bagi menyerap dan menyesuaikan kepada perubahan teknologi yang pantas di peringkat global.

Di samping itu, sektor perkilangan khususnya syarikat-syarikat milik tempatan, menghadapi kekurangan kebolehan di dalam inovasi teknologi, manakala pemindahan teknologi dari firma-firma asing kepada firma-firma tempatan adalah terhad. Faktor utama yang menghalang perkembangan keupayaan teknologi ini ialah kecenderungan firma-firma Malaysia untuk mengeneipkan kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) sebagai sebahagian daripada pelaburan. Ini disebabkan P&P melibatkan kos yang tidak menjanjikan pulangan yang segera secara relatif. Dengan

keupayaan penyelidikan yang dipertingkatkan, sektor perkilangan negara boleh mengutarakan inovasi produk dan proses, untuk mengeluarkan komponen dan alat pembuatan original untuk di eksport serta menyediakan barang-barang perantaraan dan modal untuk kegunaan tempatan. Ini boleh mengurangkan pergantungan negara terhadap pengimportan barang-barang modal dan barang-barang perantaraan yang kini mencakup 85% daripada jumlah perbelanjaan import negara.

Bagi menggalakan usaha-usaha P&P, galakan fiskal termasuk program peningkatan teknologi bagi industri kecil dan sederhana, telah pun di peruntukan, selaras dengan Pelan Tindakan bagi Pembangunan Teknologi Industri. Sektor industri negara harus mengambil kesempatan dari galakan yang disediakan, termasuk program peningkatan teknologi dan kemudahan prasarana yang telah tersedia, seperti taman teknologi serta "institusi-

institusi penyelidikan yang diluluskan" oleh Kerajaan bagi meningkatkan keupayaan P&P. Ini diantara lain, termasuklah Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear dan Instituti Sistem Mikro Elektronik Malaysia (MIMOS).

Melalui usaha yang lebih gigih untuk beralih kepada proses pengeluaran berteknologi tinggi yang menjimatkan tenaga, dan pengeluaran barang-barang yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi serta pembangunan sumber tenaga manusia dan kemampuan P&P, sektor perkilangan negara boleh mengekalkan daya saing di pasaran dunia. Usaha-usaha sedemikian dapat mengukuhkan sektor perkilangan negara bagi menghadapi cabaran-cabaran dari persaingan yang kian meningkat dan persekitaran perdagangan antarabangsa yang lebih liberal berikutan termeterainya Pusingan Uruguay serta penarikan balik kemudahan 'Generalised System of Preference' (GSP) oleh AS mulai tahun 1997.

Jadual 4.2

Indeks Pengeluaran Perkilangan Malaysia
(1988 = 100)

	Wajaran	1994	1995
		(Januari-Julai)	% perubahan
Makanan, minuman dan tembakau	11.35	7.1	5.5
Tekstil dan pakaian	4.20	17.4	8.7
Penapisan petroleum	1.23	1.4	18.5
Kimia dan keluaran kimia	11.15	11.9	5.9
Keluaran getah	5.82	12.8	8.4
Kayu dan keluaran kayu (kecuali perabot)	3.65	11.2	2.6
Keluaran galian bukan logam	3.90	10.8	7.0
Besi dan keluli	1.76	7.8	19.1
Keluaran logam bukan feram	0.52	2.2	13.1
Keluaran logam yang direka	1.94	32.5	33.2
Keluaran elektrik dan elektronik serta jentera	11.91	19.6	23.9
Kelengkapan pengangkutan	2.17	5.8	26.1
JUMLAH	59.60	14.3	14.7
Sumber: Jabatan Pengangkaan			

Keluaran Elektrik, Elektronik dan Jentera

Industri **elektrik, keluaran elektronik dan jentera** yang merangkumi jentera elektrik, kelengkapan dan peralatan elektrik, kabel dan dawai, separa pengalir dan komponen elektronik lain sebagai satu kumpulan, mencatatkan pertumbuhan kukuh dua angka iaitu sebanyak 23.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 19.6%). Semua sektor kecil di dalam industri ini kecuali pengeluaran mesin pejabat, pengiraan dan perakaunan, mencatatkan peningkatan pengeluaran yang ketara, dengan pengeluaran separa pengalir dan komponen elektronik yang lain mencatatkan pertumbuhan tertinggi iaitu sebanyak 27.4%. Sebagai industri berorientasikan pasaran eksport, pertumbuhan kukuh ini sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan luar negeri yang mantap dari negara-negara perindustrian, terutama Amerika Syarikat (AS).

Permintaan dalam negeri yang kukuh terhadap barang-barang pengguna, telah mendorong pengeluaran **peralatan elektrik** yang lebih tinggi dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Ini termasuk pengeluaran set radio dan televisyen

yang meningkat sebanyak 23.4%, peti sejuk isi rumah sebanyak 10.7%, sementara pengeluaran penyaman udara bilik meningkat sebanyak 13.7% dalam tempoh tersebut.

Industri **komponen elektronik** yang merangkumi separa pengalir, litar bersepadu, pengubah elektronik dan *flyback*, pemuat atau penyaluwb elektronik, telefon dan wafer silikon sebagai satu kumpulan, mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 27.4%, dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan pencapaian sebanyak 21.6% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Peningkatan pengeluaran ini adalah disebabkan oleh permintaan luar negeri yang terus kukuh. Namun demikian, nilai ditambah industri-industri ini pada keseluruhannya masih agak rendah memandangkan industri ini masih banyak bergantung kepada bahagian-bahagian elektronik dan komponen yang diimport terutamanya daripada As, Jepun dan Taiwan. Kandungan bahan import yang tinggi dalam keluaran industri ini dicerminkan oleh peningkatan import (39%) injab dan tiub termionik yang berterusan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 49%). Kadar import yang tinggi ini adalah disebabkan oleh ciri-ciri industri ini yang dikuasai oleh Syarikat-syarikat 'Multinasional' (MNCs) yang hanya menjalankan aktiviti pemasangan bahagian elektronik dan komponen untuk dieksport semula, dan mempunyai rantai yang lemah dengan industri-industri lain.

Selaras dengan pertumbuhan yang pesat dan peningkatan kemudahan-kemudahan prasarana yang berkaitan dengan industri telekomunikasi dan penjaan kuasa elektrik, pengeluaran industri **dawai dan kabel** meningkat sebanyak 14% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 9.5% yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1994 dengan nilai jualan di peringkat gudang sebanyak RM1.9 bilion (Januari-Julai 1994: RM1.4 bilion). Peningkatan pengeluaran ini disebabkan oleh pertambahan pengeluaran dawai bertebat yang ketara (29.5%). Bagi keseluruhan tahun 1995, industri elektrik dan elektronik dijangka mengekalkan pertumbuhan yang mampan selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara dan ekonomi negara-negara pengimport utama yang berterusan.

Jadual 4.3

Pengeluaran Kelengkapan Elektrik Dan Elektronik Terpilih (Januari-Julai)

	1994	1995	% Perubahan tahunan
Separa pengalir (juta unit)	1,846	2,500	35.4
Transistor elektronik (juta unit)	4,338	4,978	14.8
Litar paduan (juta unit)	5,241	5,562	6.1
Peti televisyen ('000 unit)	4,155	5,192	25.0
Radio ('000 unit)	20,849	21,190	1.6
Pendingin udara bilik ('000 unit)	1,841	2,093	13.7
Peti sejuk isi rumah ('000 unit)	151	167	10.6
Dawai dan kabel bertebat (tan metrik)	37,535	48,610	29.5
<i>Sumber:</i> Jabatan Perangkaan			

Pertumbuhan keluaran **industri jentera bukan elektrik** meningkat sederhana sebanyak 10.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 selepas mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 19% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Pertumbuhan yang sederhana ini disebabkan kemerosotan 34% dalam pengeluaran mesin pejabat, pengiraan dan perakaunan serta peningkatan yang sederhana sebanyak 10.5% dalam pengeluaran jentera penyejuk, ekzos, pembersih udara dan penyaman udara. Walaupun industri ini telah berkembang luas, Malaysia masih lagi mengimport peralatan jentera dengan jumlah yang besar untuk memenuhi keperluan barangan modal yang bertambah dengan pesat. Import jentera meningkat sebanyak 28% kepada RM19,836 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Oleh yang demikian, industri domestik mempunyai skop yang luas dalam bidang penggantian import bagi keluaran ini.

Seperti industri-industri lain, industri ini juga menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja mahir, kekurangan keupayaan teknologi serta usaha P&P yang tidak mencukupi. Bagi memanfaatkan faedah-faedah daripada pembekalan barangan modal dan barangan perantaraan kepada negara yang mengalami perkembangan perindustrian yang pesat, industri ini perlu memberi lebih tumpuan terhadap latihan pekerja-pekerja mahir, meningkatkan keupayaan teknologi serta meningkatkan aktiviti P&P.

Tekstil dan Pakaian

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995, pengeluaran industri tekstil meningkat sederhana sebanyak 12.9% berbanding dengan kenaikan 25.3% pada tempoh yang sama tahun 1994. Pertumbuhan yang sederhana ini disebabkan paras pengeluaran yang lebih rendah dalam sektor kilang tekstil tiruan yang tumbuh pada kadar 21.4% (Januari-Julai 1994. 39.2%) dan kilang mengait yang merosot sebanyak 2.1% (Januari-Julai 1994. 45.5%). Prestasi dua lagi sektor lain lebih menggalakkan iaitu sektor memintal dan menenun serabut asli yang meningkat sebanyak 4.3% (Januari-Julai 1994. 1.2%) serta sektor mencelup, memutih, mengecap dan menyudahkan benang dan kain dengan kenaikan 26.8% (Januari-Julai 1994. 7.4%). Walau bagaimanapun, pengeluaran industri pakaian mencatatkan kemerosotan sebanyak 2.2% dalam tempoh yang dikaji berbanding dengan peningkatan yang rendah sebanyak 0.9% dalam masa yang sama tahun 1994 disebabkan permintaan luar negeri yang lemah.

Industri tekstil dan pakaian Malaysia yang muncul pada penghujung 1950an dengan penubuhan sebuah kilang tenunan di Johor Bahru, kini mengandungi lebih daripada 1000 syarikat termasuk pelabur dari lebih 20 negara asing. Walaupun industri tekstil dan pakaian masih kecil sahaja sumbangannya kepada guna tenga dan pendapatan eksport adalah ketara. Setakat Julai 1995, industri ini dianggarkan memberi peluang pekerjaan kepada 76,680 pekerja serta menyumbang 4.5% daripada eksport barangan perkilangan.

Sektor pakaian banyak bergantung kepada fabrik yang diimport oleh kerana sektor tekstil dalam negeri tertumpu kepada pengeluaran fabrik kelabu atau tenunan sahaja dan kemudian dieksport untuk disempurnakan seterusnya di negara lain. Ini disebabkan kekurangan kemudahan pencelupan, pengecap dan penyempurnaan kain yang canggih. Dengan demikian kemudahan-kemudahan ini perlu dipertingkatkan untuk membolehkan pengeluaran fabrik yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan bertaraf antarabangsa serta mempunyai rantian yang lebih baik dengan sektor pakaian. Di samping itu terdapat keperluan untuk membangunkan sektor sokongan dalam industri pakaian disebabkan pengeluaran aksesori industri pakaian seperti benang jahitan, butang, zip, ribon dan renda masih terhad dari segi jenis dan tidak seiring dengan perkembangan fesyen yang sentiasa berubah. Kecuali industri batik, bilangan corak yang direka dalam negeri amat kecil. Ini kerana kekurangan kemampuan dalam bidang ini akibat kemudahan latihan yang terhad. Bagi mengatasi masalah ini, Pusat Tekstil dan Pakaian Malaysia (MATAC) telah ditubuhkan untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang fesyen dan reka cipta fesyen.

Industri tekstil dan pakaian berorientasikan eksport dan perkembangan lanjut industri ini bergantung kepada keupayaannya untuk bersaing dengan pengeluar-pengeluar berkos rendah. Selama ini industri berkenaan lebih bergantung kepada pasaran kuota di bawah Peraturan Pelbagai Serabut (MFA). Mulai 1 Januari 1995, MFA diletakkan di bawah Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) dan dengan meningkatnya perdagangan liberalisasi di bawah WTO, industri tekstil Malaysia perlu beroperasi dalam keadaan persaingan yang bertambah hebat. Dalam menghadapi cabaran ini, industri tekstil dan pakaian perlu meningkatkan kemahiran dan mengeluarkan keluaran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, menembusi pasaran bukan kuota serta mempelbagaikan kepada keluaran-keluaran yang tidak diliputi oleh kuota.

Kayu dan Keluaran Kayu

Pengeluaran sektor **kayu dan keluaran kayu** tidak termasuk perabut, meningkat sebanyak 2.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994:11.2%). Pertumbuhan yang

kecil ini berpunca terutamanya oleh kemerosotan pengeluaran kayu gergaji yang ketara, serta permintaan luar negeri yang berkurangan. Disamping itu peralihan pilihan dari kayu keras tropika kepada kayu temperate yang berwarna cerah, terutama oleh Korea Selatan turut menjejaskan permintaan terhadap keluaran berasaskan kayu.

Dari segi pengeluaran, sektor kecil **kayu gergaji** mencatatkan kemerosotan pertumbuhan sebanyak 13.5% kepada 4.3 juta meter padu (Januari-Julai 1994: 5 juta meter padu) kerana sebahagian besar kayu balak digunakan dalam pemprosesan hiliran papan lapis, vener dan lain-lain keluaran kayu. Di samping itu, kemerosotan harga kayu gergaji sejak awal tahun, turut menjejaskan pengeluaran. Dari segi pengeluaran mengikut kawasan, Semenanjung Malaysia masih mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar kayu gergaji terbesar menyumbang sebanyak 46% kepada jumlah pengeluaran. Namun demikian, sumbangannya telah merosot sebanyak purata 3.5% dalam tempoh dua tahun lalu, berikutan peningkatan pembangunan keupayaan pemprosesan terutama di Sarawak. Sumbangan Sarawak kepada jumlah pengeluaran meningkat kepada kira-kira 29% (1994:19%) sementara sumbangan Sabah berkurangan sebanyak 1% kepada 24% berikutan kegiatan pemprosesan hiliran yang lebih agresif.

Walau bagaimanapun, pemprosesan **papan lapis, vener dan kayu blok** menunjukkan peningkatan pertumbuhan dalam tempoh kajian ini. Pengeluaran papan lapis meningkat sebanyak 8.4% kepada 1.9 juta meter padu. Dalam masa yang sama pengeluaran vener meningkat sebanyak 25% sementara kayu blok meningkat sebanyak 16.5%. Pengeluaran barangan ini meningkat ekoran permintaan dalam negeri yang menggalakkan disebabkan peningkatan kegiatan pembinaan.

Pengeluaran sektor kecil **perabut dan kelengkapan** perabut berkembang sebanyak 56% dengan nilai jualan diperingkat gudang berjumlah RM640 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan RM410 juta bagi tempoh yang sama tahun 1994. Sebagai industri berasaskan sumber yang dikenal pasti dibawah Pelan Induk Perindustrian, Kerajaan akan terus memberi galakan kepada pembangunan industri perabut dan kelengkapan perabut. Dalam

hubungan ini, konsep perkampungan perabut telah diperkenalkan. Di bawah konsep ini, rangkaian industri perabut bagi memudahkan kerjasama di antara pengusaha utama dan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (IKS) dimajukan. IKS akan membekalkan barangan siap atau komponen-komponen kepada syarikat utama untuk pasaran eksport atau digunakan untuk pembuatan barangan siap. Di bawah program "Perkampungan Perabut" di bawah Kementerian Perusahaan Utama, dua perkampungan perabut (satu di Selangor dan satu lagi di Terengganu) dijangka beroperasi pada akhir tahun 1995. Tiga lagi tapak perkampungan ini masing-masing di negeri Perak, Pahang dan Kedah telah pun di kenalpasti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan. Perkampungan perabut ini akan menjadi penggerak kepada penyertaan IKS terutama di kalangan Bumiputera di dalam pembangunan industri eksport, berasaskan kayu getah tempatan bagi mengeluarkan barangan siap dengan nilai ditambah dan komponen barangan.

Bagi keseluruhan tahun 1995, pengeluaran kayu dan keluaran kayu dijangka mencatatkan pertumbuhan yang sederhana hingga kecil. Ini memandangkan keadaan pasaran yang terus lembap terutamanya di Kesatuan Eropah (EU), AS, Korea dan Jepun disebabkan terutamanya oleh permulaan pembangunan perumahan yang perlahan di kebanyakan pasaran-pasaran utama tersebut. Walau bagaimanapun, sektor kecil perabut dan peralatan perabut dijangka mengekalkan pertumbuhan yang menggalakkan.

Keluaran Berasaskan Getah

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, pengeluaran **industri berasaskan getah** meningkat tetapi pada kadar yang lebih rendah iaitu sebanyak 8.4% berbanding dengan 12.8% pada tempoh yang sama tahun 1994. Pertumbuhan yang berkurangan ini sebahagian besarnya berpunca dari kejatuhan pengeluaran kasut getah serta kekurangan kegiatan mengilang semula getah dan memperoses susu getah. Namun demikian, prestasi keluaran berasaskan susu getah (terutama sarong tangan getah) tayar dan tiub, kepingan getah dan campuran getah yang lebih tinggi dalam tempoh yang sama, telah mengimbangi kejatuhan tersebut dan berupaya menstabilkan prestasi industri ini dalam tempoh tersebut.

Sarung tangan getah yang merupakan keluaran **berasaskan susu getah** terbesar mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 11% kepada 4.1 bilion pasang dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan pengeluaran sebanyak 3.7 bilion pasang dalam tempoh yang sama tahun 1994. Pertumbuhan pengeluaran yang ketara ini adalah disebabkan oleh permintaan yang terus kukuh dari negara-negara pengimport utama, terutama AS dan negara-negara Kesatuan Eropah. Dalam masa yang sama pengeluaran campuran getah meningkat sebanyak 1.1% sementara pengeluaran gelang getah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 31%. Industri pembuatan tayar dan tiub yang menyumbangkan 12% daripada pengeluaran industri berasaskan getah, meningkatkan pengeluarannya sebanyak 9.8% dalam tempoh kajian (Januari-Julai 1994:7.1%) disebabkan oleh peningkatan penggunaan dalam negeri, terutama industri automobil. Usaha-usaha industri ini untuk mengembangkan dan meningkatkan kegiatannya ke arah pasaran luar negeri terutama pasaran-pasaran yang baru muncul seperti Amerika Latin dan Timur Tengah telah juga mendorong pengeluaran yang lebih tinggi. Pengeluaran semua jenis kasut getah walau bagaimanapun, berkurangan sebanyak 14.8% dalam tempoh kajian setelah mencatatkan kemerosotan sebanyak 4.5% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Ini berpunca sebahagiannya dari kekurangan tenaga buruh yang dihadapi oleh industri ini. Disamping itu industri kasut getah negara juga menghadapi persaingan hebat dari kasut getah yang lebih murah yang diimport dari negeri China dan Indonesia. Pengeluaran kegiatan mengilang semula getah dan memperoses susu getah seperti getah asap berbunga (RSS), susu getah yang diproses, kecuali Getah Mutu Malaysia (SMR) masing-masing berkurangan sebanyak 30%, dan 9% ekoran permintaan luar negeri yang lemah serta persaingan yang sengit dari negara-negara pengeluar susu getah diproses yang lebih murah di rantau ini.

Prospek pertumbuhan industri berasaskan getah di masa hadapan adalah cerah. Permintaan dari luar negeri bagi keluaran-keluaran berasaskan susu getah terutama sarong tangan getah, benang getah, catheters dan sarung getah dijangka terus kukuh sementara permintaan dalam negeri bagi tayar menampakkan tanda-tanda akan berkembang selaras dengan perkembangan industri automobil dalam negeri. Keupayaan pengeluaran industri

berasaskan getah di jangka akan berkembang dan lebih meluas di masa akan datang dengan penekanan diberi kepada pengeluaran produk hiliran untuk eksport, yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Pengeluaran yang positif ini akan dapat dihasilkan dari peningkatan nilai pelaburan dalam sektor berasaskan getah yang telah diluluskan oleh MIDA dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Sejumlah 11 projek dengan cadangan pelaburan modal bernilai RM298 juta telah diluluskan berbanding dengan 22 projek dengan cadangan pelaburan bernilai RM139 juta yang diluluskan dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Makanan, Minuman dan Tembakau

Pengeluaran industri **makanan** meningkat sebanyak 6.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 6.5%) disokong

Jadual 4.4

**Kadar Pertumbuhan Sektor Kecil
Pembuatan Makanan Terpilih
(%)**

	1994	1994	1995
		(Januari- Julai)	
Kilang beras	1.1	-4.8	9.9
Keluaran tenusu	9.3	10.3	1.3
Kilang biskut	12.1	9.3	25.3
Ikan, krustasia dan makanan seumpamanya	-2.0	-15.8	14.2
Minyak kelapa sawit	8.9	10.2	8.2
Minyak isi kelapa sawit	2.1	5.0	5.7
Kilang tepung	8.8	11.5	2.7
Kilang gula dan penapis gula	4.9	1.3	4.6
Koko, coklat dan manisan	0.4	5.3	-4.1
Makanan binatang	1.6	1.2	7.5
Keluaran makanan lain	2.7	-1.1	5.3
JUMLAH	6.6	6.5	6.4
Sumber: Jabatan Perangkaan			

oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan tempahan belian dari luar negeri. Industri pembuatan makanan yang mencatatkan pertumbuhan yang mampan ialah industri-industri yang terlibat di dalam pemprosesan dan penyediaan bijirin dan penyimpanan dan pemprosesan ikan dan krustasia, sementara industri yang terlibat dalam koko, coklat dan manisan mengalami kemerosotan pengeluaran disebabkan permintaan dalam negeri yang berkurangan. Prestasi industri yang terlibat di dalam pengeluaran makanan adalah seperti di Jadual 4.4.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, prestasi industri **minuman** tidak begitu menggalakkan seperti industri perkilangan makanan. Pengeluaran industri ini menurun dan mencatatkan pengurangan sebanyak 0.6% (Januari-Julai 1994: 21.3%) disebabkan kejatuhan ketara (13.8%) pengeluaran minuman berkarbonat. Walau bagaimanapun kejatuhan ini diimbangi oleh pengeluaran minuman manis tanpa karbonat (5.6%) yang lebih tinggi dalam tempoh kajian tersebut. Pengeluaran industri **tembakau** menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 dengan pertumbuhan sebanyak 5.5% berbanding dengan kemerosotan sebanyak 1.6% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh terdapatnya daun tembakau untuk diproses serta permintaan yang menggalakkan dari negara-negara pengimport. Oleh yang demikian, pengeluaran industri makanan, minuman dan tembakau secara kumpulan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 7.1%).

Industri pemprosesan makanan di Malaysia masih banyak bergantung kepada bahan-bahan mentah yang diimport. Ini termasuk daging lembu, daging kambing, keluaran tenusu dan gula mentah, kerana pengeluaran tempatan tidak mencukupi. Bagi mengurangkan bayaran import negara, pengeluaran bahan-bahan mentah serta aktiviti pemprosesan terutamanya yang menggunakan bahan pertanian dan perikanan tempatan perlu dipertingkatkan bagi menggantikan import makanan yang telah diproses.

Keluaran Petroleum dan Gas

Aktiviti hiliran utama industri petroleum dan gas terdiri daripada penapisan petroleum dan pemprosesan gas asli dan setakat tertentu, proses campuran minyak pelincir, minyak penukar dan keluaran-keluaran berkaitan.

Pada masa ini Malaysia adalah pusat penapisan ketiga terbesar di rantau ASEAN dengan jumlah keupayaan penapisan berlesen sebanyak 365,000 tong sehari (tsh). Lima buah loji penapis yang ada, dimiliki oleh tiga syarikat gergasi minyak. Syarikat Shell mempunyai dua loji penapis, satu di Port Dickson dan satu lagi di Lutong Sarawak. Esso mempunyai satu loji penapis di Port Dickson sementara PETRONAS mempunyai sebuah loji di Kertih dan sebuah lagi di Melaka. Kerja-kerja pembinaan '*sour crude train*' dengan keupayaan penapisan sebanyak 100,000 tsh minyak mentah sedang diteruskan di Melaka dan dijangka siap pada penghujung tahun 1997. Loji ini akan menapis minyak mentah dari Asia Barat. Empat lagi lesen penapisan baru telah pun diluluskan dan apabila projek-projek ini siap, keupayaan penapisan negara akan meningkat kepada satu juta tsh.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995, industri penapisan petroleum mencatatkan satu peningkatan pertumbuhan yang ketara sebanyak 18.5%, didorong oleh pengeluaran minyak mentah

Jadual 4.5

Kapasiti Menapis Dalam Negeri bagi Minyak Mentah (^a000 tong sehari)

	1994	1995 ^a
Kapasiti dirancang	355	365
Pemprosesan sebenar	283.3	332.8
Minyak mentah tempatan	254.5	303.5
Minyak mentah yang diimport	28.8	29.3

^a anggaran

Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

sebanyak 5%. Pengeluaran minyak tanah termasuk minyak jet bertambah sebanyak 25.6% kepada 1.1 juta tan, pengeluaran disel dan minyak gas meningkat sebanyak 18.5% dan gasolin bagi kenderaan jalan raya meningkat sebanyak 20.3% dan gas petroleum cecair sebanyak 2.9%. Sementara pengeluaran minyak bahan api meningkat pada kadar rendah sebanyak 0.2%.

Selaras dengan objektif menggalakkan penggunaan gas sebagai punca bahan api alternatif, pengeluaran gas asli telah meningkat. Dengan siapnya Projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) I dan II, gas asli dapat dibekalkan ke stesen-stesen janakuasa Tenaga Nasional Berhad di Paka, Pasir Gudang, Tanjung Kling, Port Dickson, Jambatan Connaught Kapar dan Serdang, Lembaga Kemudahan Awam Singapura, dua Pengeluar Tenaga Persendirian serta pengguna komersil dan domestik. Sebagai langkah untuk memperluaskan sistem pengagihan gas asli, projek PGU III sedang dilaksanakan untuk menyambung saluran paip gas dari Klang ke Lumut, Perak di bawah Sektor I dan dari Lumut ke Bukit Keteri, Perlis di bawah Sektor II. Sektor I dijangka siap pada hujung tahun 1995. Bagi memenuhi keperluan gas asli yang dijangka akan bertambah, dua lagi loji pemprosesan gas (GPP5 dan GPP6) yang akan mempunyai keupayaan memproses sebanyak 1,000 juta kaki padu sehari (mmscf/d) telah dirancang untuk dibina. GPP5 dijangka akan siap pada hujung tahun 1997 manakala GPP6 akan mula beroperasi pada 1998. Dengan siapnya projek ini, keupayaan negara dalam pemprosesan gas akan meningkat kepada 2,000 mmscf/d.

Pada bulan Februari 1995, PETRONAS NGV (Gas Asli Bagi Kenderaan) Sdn Bhd telah ditubuhkan untuk melaksanakan projek NGV. Sehingga sekarang sebanyak 923 kenderaan telah diubahsuai kepada sistem yang boleh menggunakan NGV atau petrol. Program 'Monogas City Bus' telah disiapkan dengan jayanya dan dijangka akan merintis jalan bagi penggunaan NGV untuk kenderaan berat. Menjelang tahun 2005, dianggarkan sebanyak 28,500 kenderaan akan diubahsuai. Sistem pendingin udara secara terus yang menggunakan gas asli sebagai komponen utama sedang dibina untuk projek Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC) dan dijangka siap pada Januari 1996. Sistem yang serupa juga dirancang untuk Lapangan Terbang Antarabangsa

Kuala Lumpur (KLIA) dan juga Plaza Rakyat di Kuala Lumpur. Sektor hiliran industri gas akan dipertingkatkan lagi dengan siapnya loji LNG kedua (LNG2) di Bintulu pada Jun 1996. Loji ini mempunyai keupayaan mengeluarkan 7.8 juta tan LNG setahun. Projek-projek lain termasuklah tambahan sebuah lagi loji LNG (LNG3) dan loji pengeluaran gas petroleum cecair juga di Bintulu.

Kimia, Petrokimia dan Keluaran Plastik

Industri kimia di Malaysia mengeluarkan pelbagai keluaran kimia. Di antaranya bahan kimia pertanian, (baja, racun perosak tanaman, racun serangga dan racun kulat), bahan kimia tak organik (asid, gas industri, alkali) petrokimia dan kimia organik, sabun, bahan-bahan mencuci, kelengkapan dandanan diri, ubat-ubatan, cat, barnis, lakkuer, dakwat serta oleokimia (asid lemak, lelemak ester, derivatif lemak dan gliserol) dan keluaran plastik. Sebahagian besar keluaran industri kimia digunakan sebagai input kepada industri lain dan juga sebagai 'feedstock' pengeluaran.

Berdasarkan kaji selidik Jabatan Perangkaan, pengeluaran bahan kimia dan keluaran kimia meningkat sederhana sebanyak 5.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 10.5% dalam masa yang sama tahun 1994. Pertumbuhan yang sederhana ini akibat kemerosotan pengeluaran bahan kimia industri asas sebanyak 6.6% disebabkan masih terdapat stok dari tahun-tahun lepas. Pengeluaran gas industri meningkat sebanyak 8.1% disebabkan permintaan yang lebih tinggi. Keluaran baja dan racun perosak tanaman meningkat sebanyak 9.5% berikutan lebih banyak baja digunakan untuk menambahkan hasil daripada ladang-ladang getah dan kelapa sawit untuk mendapat manfaat daripada paras harga yang tinggi bagi kedua komoditi tersebut. Keluaran sabun dan sediaan mencuci merosot sebanyak 18.5% terutamanya disebabkan terdapatnya stok lama. Sementara prestasi kukuh dalam sektor pembinaan dan industri automotif telah menyebabkan tambahan permintaan terhadap cat hiasan dan cat automotif, dan berikutan itu keluaran cat, barnis dan lakkuer turut meningkat tinggi sebanyak 23%.

Keluaran barangan plastik meningkat dengan ketara sebanyak 23.5% dalam tujuh bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan pertumbuhan

sebanyak 9.4% yang dicatatkan dalam tempoh masa yang sama pada tahun 1994. Pertumbuhan ini hasil daripada peningkatan permintaan untuk barangan plastik isi rumah, keluaran industri seperti beg berlumina, kontena, kotak-kotak serta peralatan untuk dipasang dalam industri-industri elektrik, elektronik, automobil dan lain-lain.

Keluaran industri petrokimia juga mengalami pertumbuhan, khususnya, pengeluaran resin plastik seperti polivinil klorida, polistirena polipropena, polietilena, akrilonitrik, butadiena stirena, stirena akrilonitil, resin alil dan resin fenolik. Lain-lain jenis petrokimia yang dikeluarkan dalam negeri adalah urea, metanol, etilena, propilena dan MTBE. Industri petrokimia tertumpu di Kertih, Kuantan dan Pasir Gudang di mana terdapat laluan mudah kepada loji-loji keluaran gas asli seperti ethana, propana dan butana yang merupakan 'feedstock' kepada industri berkenaan.

Pada masa kini Malaysia masih merupakan pengimport bersih bahan kimia terutamanya resin plastik, baja, bahan pewarna, ubat-ubatan, kelengkapan dandanan diri dan minyak wangi. Walau bagaimanapun, dengan rizab minyak dan gas asli yang telah dikenalpasti dan juga dengan pelaksanaan beberapa projek petrokimia, adalah dijangkakan bahawa Malaysia akan menjadi pengeksport bersih bagi resin plastik dan petrokimia-petrokimia asas. Namun demikian garam tak organik, sulfur dan fosfat akan diimport disebabkan bahan-bahan ini tidak terdapat di Malaysia.

Keluaran Galian Bukan Logam

Pengeluaran industri **keluaran galian bukan logam** yang meliputi simen, konkrit, simen haidraul, keluaran struktur tanah liat dan keluaran kaca meningkat pada kadar tahunan 7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. (Januari-Julai 1994: 10.8%). Peningkatan ini disokong oleh kegiatan pembinaan yang kukuh.

Pengeluaran **semua jenis simen** meningkat dengan ketara sebanyak 13.1% kepada 6.1 juta tan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 5.4 juta tan metrik).

Peningkatan pengeluaran disebabkan sebahagian besarnya oleh penambahan keupayaan pengeluaran simen daripada 10.3 juta tan metrik dalam tahun 1994 kepada 11.8 juta tan metrik sementara keupayaan pengisaran klinker meningkat dari 8.1 juta tan metrik dalam tahun 1994 kepada 8.6 juta tan metrik. Disamping itu, anggaran peningkatan permintaan simen sebanyak 15% dalam tahun 1995 (daripada 10.1 juta tan metrik pada tahun 1994 kepada 11.6 juta tan metrik dalam tahun 1995) telah juga membantu menggalakkan pengeluaran. Walaupun keupayaan pengeluaran bertambah, bekalan simen dalam negeri masih kekurangan untuk memenuhi permintaan yang meningkat. Keadaan ini dijangka berterusan sehingga Syarikat Kedah Simen dengan keupayaan pengeluaran tambahan sebanyak 1.8 juta tan metrik dan Syarikat Klinker Sarawak dengan keupayaan tambahan sebanyak 0.6 juta tan metrik mula beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun 1995 atau awal 1996. Bagi mengatasi kekurangan simen masa kini, Kerajaan telah mengumumkan kenaikan 10% ke atas harga kawalan simen pada 14 Ogos 1995. Tindakan ini bertujuan menggalakkan pengeluar simen meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran masing-masing dan mengurangkan perbezaan diantara harga kawalan simen tempatan dengan harga simen yang diimport, dan seterusnya menggalakkan import bagi mengatasi kekurangan bekalan. Pihak Kerajaan melalui Pernas Trading Sdn. Bhd. akan mengimport kira-kira 300,000 tan metrik simen bagi memenuhi keperluan projek-projek yang dilancarkan oleh Kerajaan seperti Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC), projek Rail Transit Ringan (LRT) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Sebagai tindak balas terhadap peningkatan permintaan bahan-bahan binaan, pengeluaran **simen dan keluaran konkrit** termasuk kepingan leper simen asbestos, kepingan atap simen asbestos, paip dan konkrit campuran siap meningkat sebanyak 8%, dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 14%). Pengeluaran kepingan leper simen asbestos terus kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 17.6%, sementara konkrit campuran yang meningkat pada kadar 40.2% dalam tempoh yang sama tahun 1994 meningkat sebanyak 22.8%. Dalam masa yang sama pengeluaran kepingan atap simen

asbestos meningkat pada kadar yang lebih rendah sebanyak 10.1% sementara pengeluaran bumbung genting simen merosot sedikit iaitu sebanyak 2.9% disebabkan permintaan yang lemah berikutan keadaan pasaran yang lebih kompetitif daripada lain-lain bahan atap. Bagi keseluruhan tahun 1995, industri simen dan konkrit dijangka mengekalkan pertumbuhan yang sederhana tinggi.

Pertumbuhan pengeluaran **kaca dan keluaran kaca** yang merangkumi cermin automobil, kepingan kaca yang digunakan dalam industri pembinaan, bebekas kaca dan peralatan hidangan merosot sebanyak 14% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 19.8%). Kemerosotan pengeluaran ini berpunca dari permintaan luar negeri yang berkurangan dan saingan dari keluaran-keluaran gantian.

Besi dan Keluli dan Keluaran Logam

Industri **besi dan keluli dan keluaran logam** yang berkait rapat dengan industri pembinaan dan industri pembuatan berasaskan logam, mencatatkan pertumbuhan yang ketara dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Industri ini yang merangkumi terutamanya pengeluaran besi asas dan keluli termasuk barangan separa siap (kepingan billet logam) keluaran "rolling mill" yang meliputi besi bar, batang dan dawai, kepingan besi dan keluaran logam yang direka mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 28% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan pencapaian sebanyak 22% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Pertumbuhan pengeluaran yang menggalakkan ini disokong oleh permintaan yang terus kukuh oleh sektor pembinaan terutama oleh projek-projek mega. Di samping itu, peningkatan keupayaan pengeluaran billet kepada 2.9 juta tan metrik dalam tahun 1995 (1994: 2.3 juta tan metrik) dan keupayaan peleperan kepada 2.4 juta tan metrik juga mendorong pengeluaran industri ini.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 pengeluaran industri asas **besi dan keluli** mencatatkan pertumbuhan sebanyak 19.1%. Peningkatan pengeluaran ini disebabkan oleh pengeluaran **industri asas besi dan keluli lain**

termasuk kepingan besi yang disadur, paip, tiub dan kelengkapan besi kimpal yang meningkat sebanyak 27.3% berbanding dengan 7.1%, yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Peningkatan pengeluaran ini disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang kukuh selaras dengan prestasi sektor pembinaan yang mampan. Di samping itu, permintaan luar negeri yang terus kukuh, yang dicerminkan oleh peningkatan eksport tiub, paip logam dan besi sebanyak 21.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: -42.5%) turut mendorong pengeluaran.

Pengeluaran **industri logam yang direka** meningkat dengan ketara sebanyak 33.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: 32.5%). Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan kukuh bagi struktur logam untuk kegunaan industri kejuruteraan ringan dan berat terutamanya sektor pembinaan. Di antara keluaran-keluaran yang mencatatkan pertumbuhan yang tinggi termasuklah keluaran struktur logam sebanyak 41.5% (Januari-Julai 1994: 59.5%) dan keluaran logam lain yang direka seperti dram besi dan keluli 30% (Januari-Julai 1994: 19.4%). Pembuatan tin timah dan kotak logam juga meningkat sebanyak kira-kira 17.3% di dalam tempoh kajian ini, menggambarkan perkembangan industri pembuatan makanan dan minuman.

Pengeluaran **industri asas logam bukan ferum** termasuk aluminium, tembaga, plumbum dan lain-lain logam bukan ferum meningkat sebanyak 13.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan 2.2% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Peningkatan pengeluaran disebabkan oleh peningkatan pengeluaran dua sektor kecil utama industri ini, iaitu industri peleburan timah sebanyak 1.5% serta keluaran industri asas logam bukan ferum lain iaitu sebanyak 16.3%. Prestasi industri ini yang kukuh menyebabkan peningkatan import beberapa jenis logam mentah dan aloinya dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Sebagai contoh import timah meningkat sebanyak 61%, tembaga sebanyak 45%, aluminium sebanyak 90.2% dan zink sebanyak 41.2%.

Masa hadapan industri besi dan keluli dan keluaran logam dijangka terus berkembang selaras dengan permintaan yang kukuh bagi keluaran

besi dan keluli oleh sektor pembinaan. Oleh yang demikian, kilang-kilang besi dan keluli dijangka mengembangkan lagi keupayaan pengeluaran masing-masing samada dengan meningkatkan lagi atau memperkenalkan kemudahan-kemudahan baru bagi pengeluaran keluli dan keluaran logam bagi memenuhi permintaan yang meningkat.

Kelengkapan Pengangkutan

Pengeluaran industri kelengkapan pengangkutan telah mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 26.1%, dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995. Punca utama pertumbuhan ini datang daripada sektor pembuatan alat ganti kenderaan bermotor dan aksesori yang telah merekod peningkatan keluaran sebanyak 54.5%. Sektor-sektor lain iaitu perusahaan-perusahaan yang terlibat dalam pemasangan kenderaan bermotor serta pengilangan dan pemasangan motosikal dan skuter telah juga mencatatkan peningkatan dua angka, masing-masing sebanyak 22.8% dan 21.1%.

Pada masa kini terdapat 10 buah kilang pemasangan kenderaan bermotor yang mempunyai kapasiti keluaran sebanyak 354,000 unit kenderaan setahun. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, pemasangan kenderaan bermotor meningkat dengan ketara sebanyak 38.4% kepada 152,583 unit. Daripada jumlah ini, keluaran kenderaan penumpang 1600 ss dan ke bawah meningkat dengan pesat sebanyak 47.7% kepada 93,949 unit, manakala keluaran kereta penumpang 1600ss dan ke atas meningkat sebanyak 27.9% kepada 31,878 unit. Pengeluaran kenderaan perdagangan meningkat sebanyak 23.3% kepada 26,756 unit. Perkembangan pesat sektor perkilangan dan pemasangan kereta disebabkan permintaan dalam negeri yang meningkat.

Jumlah jualan kenderaan penumpang meningkat dengan ketara sebanyak 62.6% kepada 123,471 unit dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995 berbanding dengan 75,947 unit pada tempoh yang

sama tahun 1994. Penjualan kereta nasional PROTON dan KANCIL meningkat sebanyak 71.1% kepada 97,483 unit daripada 56,945 unit dalam tempoh separuh pertama 1994 dan menguasai 80% dari keseluruhan pasaran kereta penumpang dalam negeri. Jualan kereta bukan nasional meningkat sebanyak 36.8% kepada 25,988 unit. Bagi kereta bukan nasional, Honda menyumbangkan bahagian terbesar pasaran diikuti oleh Toyota dan Nissan. Jualan kenderaan perdagangan meningkat sebanyak 32.7% kepada 24,362 unit. Pasaran kenderaan perdagangan dikuasai oleh model-model buatan Jepun seperti Toyota, Nissan, Daihatsu dan Isuzu. Pertumbuhan yang kukuh bagi jualan kenderaan perdagangan, walaupun terdapat peningkatan harga berikutan peningkatan kadar pertukaran yen adalah kerana penghapusan duti eksais ke atas kenderaan penumpang serta pertambahan dalam kegiatan perdagangan. Industri kenderaan motor dijangka mengekalkan pertumbuhan yang baik bagi tempoh sepanjang tahun 1995. Industri ini mempunyai prospek yang cerah untuk berkembang, khususnya dengan pengeluaran kereta BUFORI yang bermula pada suku kedua tahun 1995 dan pengeluaran kereta PROTON berasaskan Citroen AX yang dijangka akan bermula pada suku akhir tahun 1995.

Pengeluaran motosikal dan skuter mencatatkan peningkatan sebanyak 24.4% daripada 150,506 unit dalam tempoh tujuh bulan pertama 1994 kepada 187,298 unit pada tempoh yang sama 1995. Pertumbuhan yang kukuh ini mencerminkan peningkatan permintaan untuk keperluan pengangkutan. Terdapat empat buah kilang yang terlibat dalam pengeluaran motosikal dan skuter dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 306,000 unit setahun.

Menggambarkan peningkatan pengeluaran kenderaan bermotor, peningkatan bilangan kenderaan di jalan raya dan juga pesanan jualan luar negeri yang kukuh, pengeluaran industri komponen dan alat ganti juga meningkat sebanyak 54.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995.

RENCANA 3

Perubahan-perubahan Intensiti Modal Dalam Sektor Perkilangan

Pengenalan

Pertumbuhan ekonomi yang pesat selama tujuh tahun berturut-turut telah mewujudkan jumlah pekerjaan yang mengatasi pertambahan jumlah tenaga kerja yang dapat diserap. Oleh yang demikian, kadar pengangguran telah berkurangan ke tahap yang belum pernah dialami setakat ini, iaitu 2.8% daripada guna tenaga pada tahun 1994 berbanding dengan 8.8% pada tahun 1986. Pasaran buruh menjadi lebih ketat dengan ketara dan kekurangan buruh mahir dan tidak mahir kian mengancam. Amalan menarik kakitangan dari majikan lain dengan cara menawarkan upah yang lebih tinggi menjadi kelaziman. Akibatnya, peningkatan upah dalam sesetengah firma perkilangan telah melebihi peningkatan produktiviti, justeru itu menaikkan kos buruh seunit. Dengan keadaan upah yang kian meningkat, industri-industri di Malaysia khususnya yang mempunyai proses pengeluaran intensif buruh, akan mendapati lebih sukar untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa dengan industri-industri yang serupa di negara-negara yang mempunyai lebih buruh seperti China, Vietnam dan India. Untuk mengekalkan daya saingan, kos buruh seunit perlulah dikawal atau dikurangkan melalui peningkatan produktiviti, sementara kualiti produk perlu dipertingkatkan. Bagi tujuan ini, sektor perkilangan di Malaysia perlu melaksanakan pengubahsuaian strategik ke arah penggunaan teknologi pengeluaran yang menjimatkan tenaga buruh seperti robotik dan proses pengeluaran berasaskan komputer (CAM) yang boleh meningkatkan produktiviti buruh dengan ketara. Pengubahsuaian ini menuntut satu peralihan kepada struktur pelaburan dan proses pengeluaran yang lebih intensif modal, yang kurang memerlukan input buruh secara relatif, dibandingkan dengan modal tetap.

Tujuan rencana ini ialah untuk menganalisis sejauh mana sektor perkilangan telah beralih kepada struktur pelaburan dan proses pengeluaran yang lebih intensif modal sejak tujuh tahun yang lalu, sebagai tindak balas kepada faktor-faktor seperti kekurangan buruh dan peningkatan upah serta perkembangan global dalam teknologi. Rencana ini juga cuba menilai kesan peralihan tersebut terhadap produktiviti buruh dalam sektor perkilangan.

Pendekatan Kajian

Untuk menilai samada sektor perkilangan telah sebenarnya beralih kepada struktur pelaburan dan proses pengeluaran yang lebih intensif modal, **nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (PMSP)** digunakan. Nisbah PMSP merujuk kepada jumlah modal yang dilaburkan untuk loji dan jentera berbanding dengan saiz pekerja dalam industri-industri sektor perkilangan. Nisbah yang tinggi menandakan penggunaan kaedah pengeluaran intensif modal yang lebih tinggi secara relatif, dan sebaliknya. Data siri masa bagi nisbah PMSP berasaskan projek-projek yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bagi tempoh 1988 hingga 1994 digunakan untuk mengenalpasti samada berlaku peralihan ke arah struktur pelaburan yang lebih intensif modal dalam tempoh tujuh tahun ini.

Data yang digunakan untuk analisis ini mempunyai beberapa batasan. Memandangkan ketiadaan data yang lebih tepat dan kemaskini, analisis intensiti modal dibuat berasaskan pelaburan modal yang diluluskan dan potensi guna tenaga yang diwujudkan, dan tidak berasaskan perbelanjaan ke atas pelaburan modal sebenar. Walau bagaimanapun, ia boleh diandaikan bahawa data yang berasaskan kepada projek-projek yang diluluskan adalah mencerminkan arah aliran yang sebenar selepas satu hingga dua tahun bagi projek-projek yang diluluskan itu dilaksanakan. Oleh itu, analisis yang berasaskan data ini boleh memberi satu pemahaman tentang perubahan-perubahan dalam intensiti modal bagi sektor perkilangan.

Bagi menganalisis kesan-kesan peralihan ini terhadap produktiviti buruh, data mengenai **nilai jualan bagi setiap pekerja (NJSP)** yang diperolehi daripada Jabatan Statistik digunakan sebagai petunjuk kasar kepada perubahan-perubahan dalam produktiviti buruh.

Penemuan

Nisbah Purata PMSP

Analisis terhadap nisbah PMSP bagi 19 projek yang diluluskan dalam tempoh antara 1988 dan 1994, seperti di Jadual 1, menunjukkan sebahagian besar industri mempunyai nisbah PMSP kurang daripada RM100,000. Industri-industri yang mempunyai pelaburan modal setiap pekerja melebihi tahap RM100,000 ialah industri penapisan petroleum, bahan kimia & keluaran kimia, keluaran logam asas, keluaran bukan logam serta industri

kertas, percetakan & penerbitan. Industri penapisan petroleum sangat berintensif modal dengan purata PMSP sebanyak RM3.3 juta. Industri-industri lain yang mempunyai nisbah di bawah RM100,000 termasuklah industri pakaian & keluaran pakaian (RM44,780), elektrik & elektronik (RM42,208) dan keluaran getah (RM25,864).

Jadual 1

**Nisbah Purata Pelaburan Modal bagi
Setiap Pekerja untuk Projek-projek yang
diluluskan
mengikut Industri Kecil**

<i>Industri Kecil</i>	<i>PMSP-(RM) (1988-1994)</i>
Penapisan petroleum	3,316,418
Bahan kimia & keluaran kimia	553,312
Keluaran logam asas	405,408
Keluaran logam bukan metalik	210,235
Kertas, percetakan & penerbitan	122,438
Minuman & tembakau	97,932
Keluaran logam direka	78,114
Peralatan pengangkutan	77,022
Keluaran plastik	66,800
Pembuatan makanan	52,720
Kayu & keluaran kayu	51,986
Pembuatan jentera	49,224
Pakaian & keluaran pakaian	44,780
Elektrik & elektronik	42,208
Peralatan saintifik	31,376
Keluaran getah	25,864
Lain-lain	14,214
Perabot & kelengkapan	12,702
Kulit & keluaran kulit	5,846
Jumlah Purata	87,603

Sumber: Lembaga Kemajuan Peindustrian
Malaysia (MIDA)

Perubahan-perubahan dalam PMSP

Dalam tempoh 1988 hingga 1994, purata PMSP bagi projek-projek perkilangan meningkat sebanyak 19.1% setahun. Ini merupakan peningkatan purata PMSP daripada RM39,188 pada 1988 kepada RM139,094 pada 1992. Pada tahun 1993, ia berkurangan kepada RM102,719 disebabkan terutamanya oleh kadar pelaburan modal bagi industri penapisan petroleum yang lebih rendah walaupun PMSP bagi industri-industri lain lebih tinggi. Pada tahun 1994, purata PMSP meningkat 8.9% kepada RM111,947.

Melainkan industri-industri penapisan petroleum, keluaran plastik dan peralatan saintifik, sebahagian besar industri telah beralih ke arah struktur pelaburan dan proses pengeluaran yang lebih berintensif modal pada tempoh 1988 hingga 1994. Kebanyakannya mengalami peningkatan yang agak tinggi dalam kadar perubahan PMSP dalam tempoh berkenaan, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Peralihan yang paling ketara dalam intensiti modal dialami oleh industri minuman & tembakau, dengan purata tahunan PMSP meningkat 62.9% kepada RM287,783 (1994) daripada RM15,374 (1988). Industri keluaran bukan logam juga mengalami perubahan yang ketara dalam PMSP, meningkat pada kadar purata 57% pada tempoh tersebut. Ini diikuti oleh tekstil dan keluaran tekstil (50.1%), peralatan pengangkutan (40.7%), kimia dan keluaran kimia (27.4%), pembuatan kejenteraan (26.8%) serta kayu & keluaran kayu (25.6%). Bagi industri elektrik & elektronik, perubahan PMSP lebih rendah secara relatif (20.4%). Walau bagaimanapun, ia menunjukkan arah aliran yang meningkat dengan konsisten selama tempoh tersebut, daripada RM23,985 pada 1988, kepada RM73,243 pada 1994. Industri-industri seperti pembuatan makanan, perabot & kelengkapan serta kertas, percetakan & penerbitan juga telah beralih ke arah struktur pelaburan dan proses pengeluaran yang lebih berintensif modal, walaupun secara relatifnya lebih perlahan.

Jadual 2
Kadar Perubahan PMSP bagi
Projek-projek yang Diluluskan mengikut
Industri Kecil

<i>Industri kecil</i>	<i>PMSP (dalam RM)</i>							<i>Kadar Perubahan dalam PMSP¹ (%)</i>
	<i>1988</i>	<i>1989</i>	<i>1990</i>	<i>1991</i>	<i>1992</i>	<i>1993</i>	<i>1994</i>	
Minuman & Tembakau	15,374	6,588	181,165	54,336	117,592	72,411	287,683	62.9
Keluaran bukan metalik	22,975	86,660	46,985	361,494	149,107	404,329	343,476	57.0
Pakaian & keluaran tekstil	17,449	19,454	34,748	30,059	54,026	81,136	199,817	50.1
Kelengkapan pengangkutan	14,789	85,433	58,423	77,901	55,095	84,216	114,762	40.7
Kimia & keluaran kimia	246,887	411,434	553,039	405,301	482,516	673,367	1,054,149	27.4
Pembuatan jentera	17,308	30,301	61,728	29,892	40,886	39,231	70,605	26.8
Kulit & keluaran kulit	2,054	5,187	4,427	7,053	4,160	8,920	8,156	25.8
Kayu & keluaran kayu	24,784	46,475	61,790	34,510	41,013	63,399	97,216	25.6
Elektrik & elektronik	23,985	30,106	34,101	32,120	48,070	53,936	73,243	20.4
Lain-lain	5,454	10,459	20,091	17,162	13,291	15,320	15,849	19.5
Pembuatan makanan	35,288	25,950	135,165	84,325	75,587	57,245	93,609	17.7
Kertas, percetakan & penerbitan	19,002	158,181	226,230	45,016	44,315	308,607	41,467	13.9
Perabot & kelengkapan	8,398	12,487	12,844	11,078	13,587	12,471	17,004	12.5
Logam direka	36,739	62,175	59,100	162,515	50,720	56,832	58,991	8.2
Keluaran logam asas	516,968	117,615	610,241	338,354	314,270	406,806	634,894	3.5
Keluaran getah	21,094	26,366	40,081	57,888	21,843	31,411	25,173	3.0
Penapisan petroleum	2,697,810	2,603,157	1,530,394	7,564,108	3,596,345	640,385	1,027,279	-14.9
Keluaran plastik	129,355	49,271	71,221	69,235	84,342	42,390	44,725	-16.2
Peralatan saintifik	26,970	68,309	9,543	49,593	20,297	29,899	7,222	-19.7
Jumlah Purata	39,188	43,376	94,467	106,547	139,094	102,776	111,947	19.1

¹ Kadar purata tahunan yang dikompaunkan

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Hubungan di antara PMSP dan NJSP.

Peralihan ke arah teknologi yang menjimatkan tenaga buruh sewajarnya diiringi dengan peningkatan menyeluruh produktiviti buruh. Bagi tujuan ini, NJSP digunakan sebagai petunjuk kasar kepada perubahan dalam produktiviti. Satu perbandingan mudah dibuat di antara pertumbuhan dalam NJSP dan PMSP pada awal dan akhir tempoh kajian bagi keseluruhan sektor perkilangan. Perbandingan ini, walau bagaimanapun, mengambil kira bahawa PMSP berdasarkan projek-projek yang diluluskan akan hanya tercapai selepas tempoh satu atau dua tahun, bergantung kepada masa yang diambil bagi setiap projek dilaksanakan secara fizikal. Oleh itu, data NJSP yang digunakan untuk membandingkan PMSP perlu diasaskan kepada tahun sebenar PMSP tersebut. Bagi keseluruhan sektor perkilangan, tempoh setahun digunakan dan hasilnya menunjukkan bahawa pertambahan PMSP sebanyak 2.6 kali telah mendorong pertambahan NJSP sebanyak 1.5 kali dalam tempoh perbandingan, seperti di bawah:

Perubahan dalam PMSP	=	$\frac{\text{PMSP 1993}}{\text{PMSP 1987}}$	=	$\frac{\text{RM102,776}}{\text{RM39,949}}$	=	2.6 kali
Perubahan dalam NJSP	=	$\frac{\text{NJSP 1994}}{\text{NJSP 1988}}$	=	$\frac{\text{RM174,870}}{\text{RM120,920}}$	=	1.5 kali

Gambaran di atas menunjukkan terdapatnya hubungan positif dalam jangka masa panjang antara perubahan-perubahan dalam nisbah PMSP dan perubahan-perubahan dalam produktiviti buruh bagi sektor perkilangan. Analisis terhadap industri-industri terpilih juga menunjukkan terdapatnya hubungan positif dalam jangka masa panjang antara perubahan dalam PMSP dan nilai jualan setiap pekerja bagi industri elektrik dan elektronik serta industri tekstil dan pakaian, selepas masing-masing industri diberi satu atau dua tahun tempoh "gestation" bagi projek-projek yang diluluskan, dilaksanakan dan memulakan pengeluaran. Data di bawah menunjukkan peningkatan dalam PMSP telah menyebabkan peningkatan yang sepadan dalam NJSP ketika tempoh perbandingan.

(i) Industri elektrik dan elektronik (tempoh 'lewat'- setahun)


Perubahan dalam PMSP	=	$\frac{\text{PMSP 1993}}{\text{PMSP 1987}}$	=	$\frac{\text{RM53,936}}{\text{RM19,099}}$	=	2.8 kali
Perubahan dalam NJSP	=	$\frac{\text{NJSP 1994}}{\text{NJSP 1988}}$	=	$\frac{\text{RM202,547}}{\text{RM117,142}}$	=	1.7 kali

(ii) Industri tekstil dan pakaian (tempoh 'lewat'- dua tahun)

Perubahan dalam PMSP	=	$\frac{\text{PMSP 1992}}{\text{PMSP 1987}}$	=	$\frac{\text{RM54,026}}{\text{RM12,171}}$	=	4.4 kali
Perubahan dalam NJSP	=	$\frac{\text{NJSP 1994}}{\text{NJSP 1989}}$	=	$\frac{\text{RM73,380}}{\text{RM43,994}}$	=	1.7 kali


Carta 1

Hubungan Antara Pelaburan Modal Setiap Pekerja dan Nilai Jualan Setiap Pekerja bagi Industri Elektrik dan Elektronik ^{1/}
(Jualan $t + 1$)



Carta 2

Hubungan Antara Pelaburan Modal Setiap Pekerja dan Nilai Jualan Setiap Pekerja bagi Industri Tekstil ^{2/}
(Jualan $t + 2$)



Carta 1 dan 2 memaparkan secara grafik bahawa terdapatnya hubungan positif antara perubahan-perubahan dalam nisbah PMSP dan perubahan-perubahan dalam produktiviti buruh bagi dua industri terpilih yang telah beralih ke arah struktur pelaburan dan proses pengeluaran yang lebih intensif modal. Walaupun pada tahun-tahun tertentu, hubungannya tidak begitu jelas oleh kerana tempoh "gestation" yang berbeza bagi projek-projek yang diluluskan itu, hubungan positif dalam jangka masa panjang antara PMSP dan produktiviti adalah nyata.


Kesimpulan

Intensiti modal sektor perkilangan sebagaimana yang diukur oleh nisbah PMSP bagi projek-projek yang diluluskan dalam tempoh 1988-1994 menunjukkan arah aliran yang meningkat pada

kadar purata sebanyak 19.1% setahun. Ini menandakan bahawa sektor perkilangan telah beralih ke arah struktur pelaburan dan proses pengeluaran yang lebih intensif modal, kemungkinan kerana tindak balas terhadap keadaan pasaran buruh yang ketat, peningkatan upah, serta kemajuan-kemajuan dalam teknologi pengeluaran sedunia.

Peralihan kepada intensiti modal telah mendorong kepada peningkatan produktiviti buruh, sebagaimana digambarkan oleh pertambahan dalam NJSP. Memandangkan korelasi yang positif ini, adalah perlu bagi sektor perkilangan negara menyegerakan peralihan ke arah teknologi yang menjimatkan tenaga buruh sebagai strategi untuk terus berdaya saing dalam pasaran antarabangsa.

Carta 4.2
Indeks Pengeluaran Pertanian
(1978 = 100)



Sektor Pertanian

Walaupun secara keseluruhannya sektor pertanian dijangka akan pulih pada tahun 1995 dengan pertumbuhan sebanyak 4.2%, namun prestasinya adalah bercampur-campur. Minyak kelapa sawit dan getah dijangka mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang menggalakkan manakala kayu-kayan dan lain-lain komoditi seperti koko dan lada hitam dijangka mengalami kemerosotan dalam pengeluaran.

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Pengeluaran minyak sawit mentah dijangka akan kembali pulih dengan peningkatan sebanyak 8.7% pada tahun 1995, kepada 7.85 juta tan metrik, selepas mencatatkan kemerosotan dalam pengeluaran pada tahun 1994. Peningkatan pengeluaran didorong oleh kekukuhan harga minyak kelapa sawit, pertambahan kawasan

Jadual 4.6

Kawasan Tanaman dan Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit

	1994	% perubahan	1995 ^a	% perubahan
Kawasan tanaman ('000 hektar)	2,377	3.1	2,479	4.3
Kawasan berhasi ('000 hektar)	2,098	3.8	2,112	0.7
Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Minyak kelapa sawit mentah	7,220	-2.5	7,850	8.7
Minyak isirong Kelapa sawit	960	-0.6	994.5	3.6
Penghasilan (kg/hektar)	3,750	1.4	3,950	5.3

^a anggaran

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama

matang sebanyak 103,000 hektar, hasil yang lebih tinggi serta pemulihan dari keadaan melawas pada tahun 1994. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, pengeluarannya sebanyak 4.87 juta tan metrik, meningkat sebanyak 12.1% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1994.

Semenanjung Malaysia masih kekal sebagai pengeluar yang utama iaitu kira-kira 82% daripada pengeluaran negara, didahului oleh Johor (25.5%), Pahang (20.4%) dan Selangor (13%). Pengeluaran di Sabah pada tahun 1995 dijangka sebanyak 1.18 juta tan atau 15% daripada jumlah pengeluaran negara. Pengeluaran di Sarawak meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 20.4% kepada 235,500 tan metrik. Walau bagaimanapun, sumbangannya kepada pengeluaran negara masih kecil iaitu sebanyak 3% daripada pengeluaran negara.

Jumlah keluasan tanaman kelapa sawit dijangka meningkat sebanyak 4.3% pada tahun 1995 kepada 2.48 juta hektar, dengan pertambahan kawasan penanaman baru sebanyak 60,000 hektar berikutan penukaran kegunaan tanah dari tanaman-tanaman yang tidak berekonomi. Pertambahan jumlah

keluasan ini berlaku di ketiga-tiga sektor iaitu skim tanah kerajaan, estet-estet dan juga pekebun-pekebun kecil. Dari segi pengagihan pemilikan tanah yang ditanam dengan kelapa sawit, sektor swasta adalah merupakan penyumbang terbesar iaitu 47% (1.135 juta hektar) manakala FELDA sebanyak 27.5% (665,000 hektar), agensi-agensi Kerajaan lain 16.5% (400,000 hektar) dan pekebun-pekebun kecil sebanyak 9.1% (220,000 hektar).

Penghasilan minyak kelapa sawit setiap hektar kawasan matang pada tahun 1995 dijangka meningkat kepada 3.95 tan berbanding 3.75 tan pada tahun 1994 disebabkan adanya klon-klon baru yang dapat mengeluarkan hasil yang tinggi.

Selari dengan pengeluaran minyak sawit mentah, pengeluaran isirong minyak kelapa sawit juga dijangka akan meningkat sebanyak 3.6% kepada 994,500 tan metrik pada tahun 1995. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, pengeluarannya berjumlah 651,570 tan metrik iaitu meningkat sebanyak 6.7% berbanding dengan 610,724 tan metrik yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 1994.

Untuk memastikan minyak kelapa sawit Malaysia terus kekal menarik dalam pasaran minyak dan lemak yang berkembang tetapi semakin berdaya saing, usaha kajian dan penyelidikan yang meluas perlu dijalankan bagi memastikan minyak kelapa sawit tidak hanya boleh menyaingi dari segi harga tetapi juga dapat disesuaikan untuk pelbagai kegunaannya. Kajian dalam pelbagai bidang minyak kelapa sawit dan keluaran minyak kelapa sawit telah dijalankan di Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) dengan bantuan daripada universiti-universiti tempatan (UKM, UM, UPM, USM, UTM, UUM dan UIA) dan agensi-agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta sektor swasta seperti Golden Hope, Guthrie, Pamol dan United Plantation.

Pendekatan kajian ke atas minyak kelapa sawit secara bersepadu akan meningkatkan lagi sumbangannya bagi meningkatkan pengeluaran, mengurangkan kos pengeluaran, mengatasi masalah kekurangan pekerja, meningkatkan mutu keluaran dan memajukan teknologi baru untuk industri ini. Pada masa kini, kajian yang dijalankan oleh PORIM tertumpu kepada 13 perkara utama iaitu agronomi dan kesuburan tanah, melindungi

pokok, penggunaan jentera di ladang, pemeliharaan dan genetik, fisiologi, pembangunan komersial dan sosio-ekonomi, pemprosesan makanan, oleokimia, ciri-ciri kelapa sawit, tisu didik, bioteknologi dan penggunaan bahan samplingan.

Kayu Kayan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, pengeluaran kayu balak merosot sebanyak 12.3% kepada 18.64 juta meter padu berbanding dengan 21.27 juta meter padu yang dihasilkan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Pada keseluruhan tahun 1995, pengeluaran kayu balak dijangka merosot sedikit, iaitu sebanyak 3.1% kepada 34.58 juta meter padu (1994: 35.67 meter padu). Kemerosotan pengeluaran disebabkan oleh kejatuhan sebanyak 33.5% pengeluaran di Semenanjung Malaysia, yang dianggarkan sebanyak 7.58 juta padu meter pada tahun 1995 (1994: 11.39 juta meter padu) kurang daripada peningkatan pengeluaran yang dijangkakan dari Sarawak iaitu 17.52 juta meter padu (1994: 16.32 juta meter padu) dan Sabah sebanyak 9.48 juta meter padu (1994: 7.97 juta meter padu). Sarawak kekal sebagai pengeluar utama kayu balak yang berjumlah hampir separuh daripada pengeluaran kayu balak negara (1994: 45.7%), diikuti oleh Sabah yang menyumbangkan 27.4% manakala bakinya adalah dari Semenanjung Malaysia.

Pada masa kini, daripada 32.9 juta hektar jumlah keluasan tanah, sebanyak 23.4 juta hektar atau kira-kira 71.1% daripadanya diliputi oleh hutan. Daripada jumlah tersebut, 19 juta hektar atau 81.2% merupakan kawasan hutan asli dan ladang hutan. Selebihnya, sebanyak 4.4 juta hektar atau 18.8% adalah kawasan tanaman-tanaman lain yang ditanam. Daripada jumlah keluasan yang diliputi hutan iaitu sebanyak 18.883 juta hektar pada tahun 1995, sebanyak 8.64 juta hektar atau 45.7% terletak di Sarawak, enam juta hektar atau 31.8% di Semenanjung Malaysia sementara bakinya sebanyak 4.2 juta hektar atau 22.5% di Sabah. Malaysia sedar tentang perlunya memelihara sumber perhutanan bagi menjaga alam sekitarnya dan menentukan pembalakan yang mampan. Selaras dengan ini, kira-kira 3,000 hektar hutan dijangka akan ditanam pada tahun 1995. Ini menjadikan jumlah kawasan bertanam di bawah program ladang hutan sebanyak 57,000 hektar pada akhir tahun 1995.

Getah

Kekukuhan harga getah terutamanya pada separuh pertama tahun 1995 telah mendorong para pekebun kecil untuk menoreh, yang dijangka akan meningkatkan pengeluaran getah sebanyak 9.4% kepada 1.2 juta tan metrik (1994: 1.1 juta tan metrik). Peningkatan ini merubah trend pengeluaran getah yang telah merosot sejak tahun 1989.

Daripada peningkatan ini, yang berjumlah hampir 100,000 tan metrik pada tahun 1995, 92% adalah dari Semenanjung Malaysia (+91,000 tan metrik) manakala bakinya dari Sarawak (4,291 tan metrik) dan Sabah (3,531 tan metrik). Pengeluaran sektor pekebun kecil akan meningkat sebanyak 12.7% kepada 934,514 tan metrik pada tahun 1995 (1994: 829,304 tan metrik) atau 78% daripada jumlah pengeluaran getah. Walaupun harga getah meningkat, pengeluaran di sektor estet terus merosot pada tahun 1995 yang dijangka berjumlah 264,468 tan metrik (1994: 271,307 tan metrik).

Jumlah kawasan yang ditanam dengan getah pada tahun 1995 dianggar sebanyak 1,696 juta hektar, dengan sektor pekebun kecil memiliki 84% daripada jumlah kawasan tanaman. Kukuhan harga getah pada tahun 1995 membantu mengurangkan kejatuhan keluasan tanaman getah. Pada tahun 1995, dijangka 25,000 hektar (10,600 hektar di estet dan selebihnya pekebun kecil) daripada kawasan tanaman getah telah ditukar kepada kegunaan lain, berbanding dengan 60,000 hektar pada tahun 1994. Secara keseluruhannya, RISDA dan agensi-agensi penbangunan yang lain akan menanam semula sebanyak 43,500 hektar dan membuka kawasan tanaman baru seluas 2,800 hektar pada tahun 1995.

Selain daripada pertukaran kepada kegunaan tanah yang lebih menguntungkan, kemerosotan keluasan tanaman getah juga disebabkan oleh masalah kekurangan tenaga buruh. Satu kajian yang dijalankan oleh Persatuan Perladangan Bersatu Malaysia (UPAM) yang dianggotai oleh 84% daripada jumlah pemilik estet swasta mendapati dalam tahun 1994 terdapat kekurangan tenaga buruh seramai 11,000 pekerja. Daripada jumlah ini, 6,249 pekerja asing atau 57% telah diluluskan oleh agensi yang berkenaan untuk bekerja di ladang. Namun masih terdapat kekurangan buruh yang dianggarkan kira-kira 5,000 orang.

Jadual 4.7

Keluasan Tanaman Getah, Hasil dan Pengeluaran

			%	%
	1994	perubahan	1995 ^a	perubahan
Jumlah kawasan ('000 hektar)				
Kebun kecil	1,439.9	-2.0	1,424.6	-1.1
Estet	282.0	-9.5	271.4	-3.8
Hasil ¹ (kg/hektar)				
Kebun kecil	957	3.8	960	0.3
Estet	1,215	-6.7	1,212	-0.4
Jumlah pengeluaran ('000 tan metrik)				
	1,100	2.1	1,200	9.4
% daripada pengeluaran dunia	19.3	0	20.7	7.3
Kebun kecil				
	829	6.4	934	12.7
Estet				
	271	-8.1	266	-1.8

¹ Semenanjung Malaysia sahaja

^a Anggaran

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan

Sektor pekebun kecil memiliki 84% daripada jumlah kawasan bertanam dan 78% daripada pengeluaran. Kini terdapat 20% jurang dalam hasil diantara sektor pekebun kecil dan estet. Hasil getah dalam sektor pekebun kecil perlu ditingkatkan untuk mengurangkan jurang ini. Hanya dengan memastikan para pekebun kecil memperoleh tahap pendapatan yang berpatutan sahaja yang dapat menentukan mereka untuk terus kekal dalam industri ini bagi membekalkan bahan mentah kepada sektor perkilangan. Ini akan memastikan industri getah terus kekal. Usaha untuk meninggikan penghasilan ialah melalui pemindahan teknologi dari Institut Kajian Getah Malaysia (RRIM) kepada agensi-agensi pelaksana seperti RISDA, FELDA dan FELCRA. Sebagai langkah jangka panjang, tanaman baru yang mengeluarkan hasil yang tinggi untuk susu getah dan kayu-kayan telah diperkenalkan. Salah satu klon yang diperkenalkan pada masa kini ialah RRIM 2000 yang berupaya mengeluarkan hasil sebanyak dua hingga tiga kaliganda lebih tinggi dari RRIM 600

dalam tempoh torehan lima tahun pertama. Selain daripada itu, klon ini juga dijangka dapat menghasilkan isipadu balak yang lebih besar antara 0.33 meter padu hingga 0.53 meter padu bagi setiap pokok dan isipadu kayu antara 0.68 hingga 1.33 meter padu bagi setiap pokok (272 kepada 531 meter padu bagi setiap hektar) dalam tempoh 14-17 tahun selepas ditanam mencerminkan lebih banyak kayu kayan yang diperolehi dari pokok getah jenis ini.

Pertanian Lain, Ternakan dan Perikanan

Pengeluaran **koko** dijangka merosot ke tahap yang paling rendah pada tahun 1995 kepada 152,000 tan metrik sejak trend pengeluarannya menurun sejak lima tahun lalu. Pengurangan sebanyak 15.6% dalam pengeluaran disebabkan oleh pertukaran kawasan koko yang mengeluarkan hasil yang rendah kepada tanaman lain dan juga disebabkan oleh keadaan cuaca yang kurang baik.

Sabah yang mengeluarkan 99,750 tan metrik (65.6%) adalah pengeluar yang terbesar, diikuti oleh Semenanjung Malaysia sebanyak 47,500 tan metrik (31.3%) dan Sarawak sebanyak 4,750 tan metrik (3.1%). Koko masih banyak dihasilkan di dalam sektor estet iaitu kira-kira 104,120 tan metrik atau 68.5% daripada jumlah pengeluaran negara. Lebih 95% daripada kawasan penanaman koko telah matang. Pada tahun 1995, tidak ada kawasan penanaman baru koko manakala 11,000 hektar pokok koko yang rendah hasilnya telah dipulihkan. Beberapa strategi dirangka yang bertujuan untuk meningkatkan industri koko termasuk meninggikan hasil koko melalui usaha-usaha kajian dan pembangunan (R&D), megalakkan pemprosesan tempatan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pemprosesan koko di Asia Timur, serta memperhebatkan pemasaran untuk mengekalkan pasaran sedia ada dan juga mencari pasaran baru.

Pengeluaran **lada hitam** dijangka merosot sebanyak 5.6% kepada 15,075 tan metrik (1994: 16,000 tan metrik). Pengeluaran merosot kerana banyak kawasan tanaman yang belum matang, serangan penyakit serta berkurangnya jumlah kawasan penanaman lada hitam. Di Sarawak, terdapat 8,708 hektar kawasan tanaman lada hitam iaitu kira-kira 97.6% dari jumlah keluasan tanaman lada hitam. Pengeluaran di Sarawak berjumlah 15,000 tan metrik, merupakan penyumbang utama iaitu 99.5% daripada pengeluaran negara manakala

Jadual 4.8 Pengeluaran Tanaman Lain, Ternakan dan Perikanan ('000 tan metrik)				
	19934	% perubahan	1995 ^a	% perubahan
Padi	2,154	3.5	2,175	1.0
Koko	180.0	-10.0	152.0	-15.6
Lada hitam	16.0	-9.0	15.1	-5.6
Nanas	156.2	-3.0	140.0	-10.4
Tembakau ¹	57.6	-37.6	95.0	64.9
Buah-buahan ²	906	8.5	952	5.1
Perikanan ³	1,066	1.8	1,068	0.2
Ternakan ⁴	858.5	7.2	909.2	5.9

¹ Daun tembakau hijau

² mengandungi tujuh jenis buah-buahan utama iaitu durian, belimbing besi, jambu batu, rambutan, manggis, pisang dan betik

³ Pendaratan ikan laut

⁴ Termasuk daging lembu/kerbau, daging ayam, daging kambing dan daging khinzir

^a Anggaran

Sumber: Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama

bakinya dikeluarkan oleh negeri-negeri Sabah dan Johor.

Pengeluaran **buah-buahan tempatan utama** yang merangkumi durian, rambutan, belimbing besi, jambu batu, manggis, pisang dan betik secara kumpulan dijangka meningkat sebanyak 5.1% kepada 952,000 pada tahun 1995. Durian dan pisang terus mengatasi pengeluaran buah-buahan lain, masing-masing sebanyak 39.2% dan 29.8% daripada jumlah pengeluaran. Kawasan tanaman buah-buahan utama juga dijangka meningkat sebanyak 7.2% kepada 221,610 hektar, selaras dengan dasar kerajaan untuk membangunkan industri makanan negara.

Pengeluaran **ternakan** mengikut nilai peringkat ladang pada tahun 1995 dijangka meningkat

sebanyak 5.2% kepada RM4,269.7 juta berbanding dengan RM4,058.5 juta dalam tahun 1993. Peningkatan ini disumbang oleh ternakan ayam (6%) dan ternakan khinzir (7.4%). Nilai peringkat ladang kedua-dua sektor kecil ini pada tahun 1995 dijangka berjumlah RM3,126 juta, dan menyumbang kira-kira 73.2% daripada jumlah nilai keseluruhannya. Pengeluaran sektor perikanan dijangka hanya meningkat sebanyak 0.2% kepada 1.068 juta tan metrik pada tahun 1995 berbanding dengan 1.066 juta tan metrik pada tahun 1994. Walaupun pengeluaran akuakultur meningkat (8.2%), kita masih bergantung sebanyak 90% keperluan kita dari tangkapan laut. Peningkatan pengeluaran daripada akuakultur disebabkan oleh peningkatan dalam sektor perikanan, pembukaan kawasan ternakan udang serta pertambahan penglibatan para penternak.


Sektor Perlombongan

Peningkatan yang ketara oleh pengeluaran minyak mentah (5.2%) dan gas (24.1%) dan juga kuari (16.4%), dijangkakan dapat menyumbang kepada pertumbuhan sektor perlombongan sebanyak 7.4% pada tahun 1995 (1994: 2.5%). Walau bagaimanapun, pengeluaran timah dijangka merosot lagi sebanyak 7.7%. Pada tahun 1995 pertumbuhan di sektor ini dijangka menyumbang sebanyak 5.8% kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan memperolehlah sebanyak 7.3% daripada pengeluaran negara.

Minyak Mentah dan Gas

Pada tahun 1995, pengeluaran **minyak mentah** termasuk bahan wap, dianggarkan meningkat kepada purata 694,300 tong sehari (tsh), iaitu peningkatan sebanyak 5.2% apabila dibandingkan dengan 659,900 tsh pada tahun 1994. Pengeluaran yang tinggi ini adalah disokong oleh penemuan medan minyak baru yang telah beroperasi mengeluarkan minyak dipersisiran Sarawak pada awal tahun 1995. Kebanyakan pengeluaran pada tahun 1995 adalah dari Semenanjung Malaysia, iaitu sebanyak 406,600 tsh atau 58.6% dari jumlah keseluruhan pengeluaran. Sarawak dijangkakan dapat mengeluarkan 211,900 tsh (atau 30.5% dari jumlah keseluruhan pengeluaran) dan Sabah 75,800 tsh (10.9%). Sehingga kini, terdapat 33 medan pengeluar minyak, 13 di Semenanjung Malaysia, 13 di Sarawak dan tujuh di Sabah.

Carta 4.3
Indeks Pengeluaran Perlombongan
(1987 = 100)



Jadual 4.9

Pengeluaran Minyak Mentah dan Gas

	1994		1995 ^a	
	Jumlah	% Perubahan	Jumlah	% Perubahan
Minyak mentah (tsh) ¹	659,900	1.9	694,300	5.2
Gas asli (mscf/d) ²	2,361	12.6	2,930	24.1

¹ Termasuk bahan wap

² Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula

^a Anggaran

Sumber: PETRONAS

Sehingga Jun 1995, PETRONAS telah menandatangani dua kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) yang baru dengan syarikat minyak lain untuk mengendalikan aktiviti aliran terutamanya seismik dan penggerudian. Adalah dianggarkan sejumlah 33,869 km. data seismik akan diperolehi dan 11 telaga minyak eksplorasi akan digerudi pada tahun 1995. Selain itu, 110 telaga pembangunan juga dijangka akan digerudi pada tahun ini.

Jumlah pengeluaran kasar **gas asli** adalah dianggarkan meningkat sebanyak 24.1% kepada 3,529 juta kaki padu sehari (mscf/d) pada tahun 1995 berbanding dengan 2,844 msf/d pada tahun 1994. Penambahan pengeluaran ini terutamanya berpunca dari 65 telaga gas dan 203 medan gas yang terletak di seluruh Malaysia (dimana tiga medan gas baru, satu di Semenanjung Malaysia dan dua di Sarawak telah ditemui sehingga Jun 1995) dalam memenuhi peningkatan permintaan untuk gas asli. Dari jumlah keseluruhan pengeluaran gas asli, hampir 70% adalah dari gas tidak bersektu manakala bakinya 30.4% atau 1,073 msf/d adalah gas bersektu.

Timah

Pengeluaran **timah** dianggarkan terus menurun sebanyak 7.7% kepada 6,000 tan metrik, berbanding 6,500 tan metrik pada tahun 1994. Dengan pengeluaran semasa ini, Malaysia disenaraikan sebagai negara keenam terbesar pengeluar timah selepas Indonesia, Brasil, Peru, Bolivia dan Australia. Sehingga akhir Jun 1995, terdapat 40 lombong yang mengeluarkan 2,955 tan metrik timah berbanding dengan 38 lombong yang mengeluarkan 3,241 tan metrik timah dalam tempoh yang sama pada tahun 1994. Akibat daripada jumlah pengeluaran bijih timah yang menurun, bilangan pekerja juga berkurangan kepada 1,928 pekerja pada akhir bulan Jun 1995, daripada 2,105 pekerja dalam tempoh yang sama pada tahun 1994.

Penggunaan timah dalam negeri dijangka meningkat sedikit dari 5,900 tan metrik kepada 6,000 tan metrik pada tahun 1995, untuk pateri 3,000 tan metrik (50% dari jumlah penggunaan), pinta, 600 tan metrik (10%), sadur timah 1,000 tan metrik (16.7%) dan lain-lain penggunaan, 1,400 tan metrik (23.3%).

Jadual 4.10

Pengeluaran, Bilangan Lombong dan Pekerjaan Dalam Industri Perlombongan Timah

	1994	% perubahan	1995*	% perubahan
Pengeluaran (‘000 tan metrik)	6.5	-37.5	6.0	-7.7
Bilangan lombong	39	-9.3	40*	5.3
Kapal korek	4	-42.9	4*	0.0
Pam kelikir	19	-9.5	20*	5.3
Dedah dan lombong bawah tanah	16	6.7	16*	6.7
Bilangan pekerja	2,006	-12.6	1,928*	-8.4

* Sehingga akhir Jun 1995.

a Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Perangkaan.

Bahan-bahan Galian Lain

Pengeluaran galian lain, seperti tembaga, bauksit dan bijih besi dijangka menunjukkan prestasi yang bercampur-campur pada tahun 1995. Pengeluaran bauksit dijangka meningkat dari 161,919 tan metrik pada tahun 1994 kepada 200,000 tan metrik atau peningkatan 23.5% pada tahun 1995. Pengeluaran bijih besi juga dijangka akan meningkat dari 202,682 tan metrik pada tahun 1994 kepada 205,000 tan metrik pada tahun 1995. Sebaliknya, pengeluaran tembaga, dijangka akan menurun sebanyak 6.1% kepada 100,000 tan metrik daripada 106,468 tan metrik pada tahun 1994.

Sektor Pembinaan

Kegiatan dalam **sektor pembinaan** kekal cergas pada tahun 1995 walaupun ekonomi negara telah menikmati pertumbuhan yang berterusan selama tujuh tahun. Nilai ditambah meningkat sebanyak 15.2% jika dibandingkan dengan kadar peningkatan 14.1% pada tahun 1994. Pertumbuhan dalam sektor ini adalah berasaskan pada permulaan pembinaan yang giat dalam bidang perumahan kediaman dan pembinaan bangunan untuk

perniagaan/perdagangan. Di samping itu pelaksanaan projek-projek raksasa juga menyebabkan peningkatan nilai ditambah bagi sektor pembinaan. Promosi pelancongan domestik serta meningkatnya kemasukan pelancong asing telah juga mendorong pengusaha industri hospitaliti menambahkan kemudahan-kemudahan seperti hotel baru, apartmen servis, taman tema dan ruangan perniagaan runcit. Semenjak dengan siapnya Lebuh raya Utara-Selatan pada tahun 1994, lebih banyak kawasan baru dapat dihubungi dengan lebih mudah lagi. Ini telah merangsangkan pembangunan projek perumahan dan pekan baru khususnya di kawasan yang menyebelahi utara/selatan Lembah Klang, atau tempat-tempat yang berdekatan dengan pusat pembangunan pesat seperti di Johor Bahru dan Seberang Perai. Selain daripada itu, projek-projek pelaburan dalam sektor perkilangan yang dirancang oleh pelabur negara asing dan rakyat tempatan sejak setahun dua yang lalu akan dilaksanakan pada tahun ini; justeru itu, permintaan untuk kilang dan bangunan perindustrian juga merupakan satu daripada punca yang mempertingkatkan aktiviti pembinaan. Dari segi keluaran domestik, 4.4% adalah berpunca daripada industri pembinaan dan ini merupakan sumbangan sebanyak 6.6% untuk pertumbuhan KDNK tahun 1995.

Memandangkan permintaan untuk rumah kediaman, apartmen kos rendah/seredhana (harga di antara RM50,000 - RM100,000) dan kondominium kos tinggi masih kukuh pada tahun 1995, pertumbuhan di **sektor kecil pembinaan rumah kediaman** dijangka akan terus mampan dan kukuh. Perkembangan ekonomi semenjak tujuh tahun yang lalu telah mempertingkatkan kemampuan pembeli hartanah. Di samping ini, bilangan isi rumah yang semakin bertambah dan tanggapan am di kalangan rakyat bahawa pelaburan hartanah dapat mendatangkan keuntungan modal dalam jangka panjang serta menangani inflasi juga merupakan faktor utama yang mendorong orang ramai membeli rumah kediaman. Kebajikan bagi golongan yang berpendapatan rendah dari segi perumahan juga tidak diketepikan. Dengan wujudnya usaha dan kerjasama antara kerajaan dan pemaju-pemaju perumahan swasta, lebih banyak rumah kos rendah serta kos sederhana sedang dibina dan ini menambahkan lagi kegiatan pembinaan rumah kediaman. Selain daripada ini, suatu trend baru semakin ketara sejak beberapa tahun yang kebelakangan ini ialah kecenderungan golongan yang berpendapatan tinggi kepada membeli rumah jenis "country home" dan rumah peranginan.

Permintaan untuk rumah seumpama ini mendorong menambahkan lagi pembangunan hartanah jenis ini. Kelonggaran syarat oleh pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang membenarkan pencarumnya mengeluarkan 30% daripada wang simpanan untuk membeli rumah dan kemudahan pinjaman bank yang senang diperolehi merupakan sokongan yang kuat bagi perkembangan industri perumahan.

Perangkaan mengenai projek-projek perumahan baru yang diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggambarkan trend perkembangan dalam sektor kecil perumahan kediaman. Bagi tujuh bulan pertama tahun 1995, sejumlah 412 projek perumahan baru diluluskan, iaitu peningkatan sebanyak 32%, jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 1994. 69,718 unit rumah telah dirancang dan akan dibina, sama ada pada tahun ini atau pun menjelang tahun hadapan. Bagi keseluruhan tahun 1994, 97,883 unit rumah dirancang untuk pembinaan.

Suatu kajian yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia mengenai pembinaan pangsa puri mewah di sekitar Kuala Lumpur menunjukkan bahawa tempo pembinaan akan kekal kukuh pada tahun 1995 memandangkan terdapat 27 projek yang bermula pada tahun 1994 masih diteruskan. Penambahan sebanyak 7,708 buah apartmen dan kondominium dengan jumlah ruang seluas 831,213 meter persegi dijangka akan memasuki pasaran perumahan pada tahun 1995 dan 1996.

Bagi menyegerakan pembinaan rumah kos rendah pula, selain daripada peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi pembinaan rumah kos rendah, dua dana khas tambahan telah diwujudkan untuk melegakan masalah rumah yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah. Dana yang dikenali sebagai Tabung Perumahan Kos Rendah (TPKR) telah ditubuhkan pada masa Belanjawan 1994 dengan peruntukan sebanyak RM1.404 bilion. Peruntukan bagi Tabung ini ditambah lagi sebanyak RM200 juta pada Disember 1994. Dari dana ini, sebanyak RM600 juta telah diserahkan sebagai geran kepada kerajaan negeri untuk pembinaan rumah pangsa kos rendah di bandar-bandar dan disewakan kepada masyarakat miskin dengan kadar nominal. Sehingga akhir bulan Ogos 1995, sebanyak 16,484 unit rumah pangsa telah diluluskan untuk pembinaan. Sementara itu, 8,451 buah rumah pangsa kos rendah sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Sejumlah RM500 juta telah disalurkan melalui bank perdagangan sebagai

konsesi "bridging finance" pada kadar 2% setahun kepada pemaju perumahan yang layak bagi pembinaan rumah kos rendah. Sehingga akhir bulan Ogos 1995, sejumlah RM264.5 juta telah diluluskan.

Dana kedua iaitu Dana Pusingan Pembangunan Perumahan Kos Rendah (DPPPKR) yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1994 dengan peruntukan awal sebanyak RM500 juta dan telah ditambah sehingga RM1 bilion semasa Belanjawan 1995. Ia bertujuan untuk menampung usaha-usaha pemaju swasta dalam membina rumah kos rendah. Sehingga Julai 1995, sejumlah RM140 juta telah dibelanjakan bagi membeli tanah. Sebanyak 39,699 unit rumah kos rendah dan sederhana dirancang untuk dibina di Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Sabah.

Suatu peruntukan khas sebanyak RM62.2 juta telah dibelanjakan untuk membekalkan 766 unit rumah pangsa bagi ahli-ahli di perkhidmatan pertahanan (angkatan tentera) dan keselamatan dalam negeri (polis). Setakat 31 Ogos 1995, 120 unit rumah pangsa telah dibeli dan 646 unit lain sedang dalam peringkat pembinaan. Selain daripada ini, RM30 juta juga diperuntukkan bagi melaksanakan 975 projek infrastruktur kecil demi mempertingkatkan taraf kemudahan asas di kampung tradisional dan kampung baru.

Dana juga diperuntukkan untuk persediaan prasarana asas seperti teras rumah, jalan, longkang, bekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar di bawah 'Skim Kawasan dan Perkhidmatan' bagi mereka yang berpendapatan bulanan di antara RM200 hingga RM500 di kawasan luar bandar. Sehingga akhir Julai 1995, lebih kurang 52% dari sasaran rumah kos rendah yang dirancang (343,800 unit) di bawah Rancangan Malaysia Keenam telah siap dibina.

Usaha **pemulihan projek perumahan terbengkalai** yang disebabkan oleh kegagalan sesetengah pemaju perumahan swasta diteruskan pada tahun 1995. Sehingga akhir bulan Ogos 1995, 82 projek dengan jumlah 25,040 buah rumah telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM383.2 juta. Sejumlah RM285.98 juta telah dibayar sehingga 31 Ogos 1995. Antara yang diluluskan, 13 projek perumahan lain telah memulakan kerja-kerja pemulihan semula. Semenjak skim pemulihan ini dilancarkan pada Jun tahun 1990, sebanyak 53 projek perumahan dengan sejumlah 12,363 unit perumahan yang melibatkan 9,885 orang pembeli rumah telah dipulihkan dengan jayanya.

Permintaan dan pembinaan untuk **bangunan bukan kediaman**, khususnya tapak-tapak kilang, pejabat dan ruang perniagaan runcit dijangka berada pada tahap yang kukuh. Di Kuala Lumpur, 19 buah bangunan pejabat yang akan menyediakan 641,000 meter persegi ruang pejabat Kelas 1 dijangka akan disiapkan pada tahun 1995. Pada tahun 1996, sebanyak 910,450 meter persegi ruang pejabat, termasuk 170,940 meter persegi dari Menara Berkembar Pusat Kota Kuala Lumpur pula akan memasuki pasaran. Arah aliran ini juga kelihatan di Petaling Jaya. Pembangunan jangka panjang bandar di luar Lembah Klang akan berterusan tanpa dikurangkan. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru yang menelan belanja sebanyak RM20.1 bilion di Putra Jaya telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Ogos 1995 dan kerja-kerja utama mengolah tapak dijangka akan dimulakan pada awal tahun 1996.

Kegiatan pembinaan di **sektor kecil kejuruteraan** kekal pada tahap yang cergas pada tahun 1995 disebabkan pembangunan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur. Selepas tamatnya Lebuhraya Utara-Selatan pada pertengahan Februari 1994, lebih banyak lebuhraya dirancang di Lembah Klang. Lebuhraya Shah Alam dan pencantuman pusat Utara-Selatan sedang dibina dan dijangka siap pada tahun 1997/98. Projek-projek kejuruteraan utama lain yang sedang rancak dijalankan ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru (KLIA) dan fasa pertama Sistem LRT sepanjang 12 km. dari Pekan Ampang ke Jalan Sultan Ismail di Kuala Lumpur yang mana siap 75% pada Julai 1995. Fasa Kedua sistem LRT, yang menghubungkan Subang disebelah barat bandaraya dengan Gombak di timur melalui pusat perdagangan Kuala Lumpur meliputi sepanjang 29 km. akan dilancarkan menjelang tahun 1995/96. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM) pula sedang membina landasan berkembar di antara Rawang-Seremban dan Kuala Lumpur-Pelabuhan Klang dan sudah memulakan perkhidmatan komuter bagi perjalanan antara Rawang dan Kuala Lumpur pada pertengahan Ogos 1995. Sebahagian pembinaan kemudahan pelabuhan moden di Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang telah dapat disiapkan lebih awal dari yang dirancang. Projek-projek infrastruktur lain yang sedang diusahakan pada tahun 1995 termasuklah Jalan Penghubung Kedua ke Singapura, Pengeluar Tenaga Persendirian (Independent Power Producers), Projek Penggunaan Gas Semenanjung III (PGU III), projek Pembentukan Negara, Kompleks Sukan Negara dan Perkampungan Sukan Komanwel.

Pertumbuhan yang amat pesat dalam sektor pembinaan pada beberapa tahun kebelakangan ini telah mengakibatkan masalah bekalan bahan binaan, khususnya simen. Kerajaan telah mengkaji semula harga kawalan simen dan menaikkan harga simen sebanyak 10% mulai Ogos 1995 di samping menyediakan lain-lain insentif cukai untuk meningkatkan keluaran simen tempatan. Sebanyak 300,000 tan metrik simen telah diimport pada tahun 1995 untuk mengatasi masalah kekurangan simen. Bagaimana pun, bekalan bahan binaan lain, walaupun tidak menghadapi masalah kekurangan, namun harganya telah meningkat. Pengeluaran beberapa jenis bahan binaan dalam tempoh setengah tahun 1995 adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 4.11.

Nilai jualan untuk bahan binaan juga menunjukkan arah aliran menaik dengan jualan bahan simen dan konkrit, simen hidraulik, papan lapis dan papan serbuk serta keluaran barangan logam struktur masing-masing meningkat sebanyak 13.8%, 14.6%, 3% dan 11.8% jika dibandingkan dengan kadar kenaikan 12%, 7.8% 33% dan 9.4% pada tempoh yang sama tahun 1994.

Selaras dengan pertumbuhan pesat dalam sektor pembinaan, jumlah pekerja dalam sektor ini bertambah sebanyak 7%, kepada 635,500 orang (1994: 9.1% ke 594,000 orang). Bilangan ini merupakan 8.1% daripada 7.83 juta pekerja pada 1995.

Jadual 4.11

**Keluaran Barangan Pembinaan Tertentu,
(kadar perubahan tahunan %)**

	1994	1995
Ubin seramik	8.4	-7.6
Bumbung genting simen asbestos	33.6	8.4
Bata tanah	17.6	22.1
Konkrit camporan siap	39.8	25.1
Simen	4.6	18.6
Batang keluli dan besi	22.2	6.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sektor Perkhidmatan

Berikutan daripada permintaan yang kukuh dari sektor-sektor lain, pertumbuhan dalam **sektor perkhidmatan** dijangka pada kadar 8.9% pada tahun 1995 (1994:9.7%). Usaha-usaha bagi meningkat dan memodenkan infrastruktur dalam sektor perkhidmatan sedang dijalankan. Bagi sektor seperti pengangkutan, telekomunikasi dan bekalan kuasa elektrik, perolehan teknologi yang terkini boleh dilihat sebagai keperluan untuk meningkatkan daya saing di negara ini. Selain daripada itu, kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah untuk meliberalisasikan syarat-syarat dan peraturan-peraturan pasaran modal dan kewangan seperti yang telah diumumkan pada Jun 1995, yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan serantau yang menarik. Ini dijangka akan mendatangkan kesan-kesan positif jangka panjang kepada sektor kecil kewangan. Tambahan kepada ini, paras pendapatan penduduk yang lebih tinggi akan terus meningkatkan permintaan yang semakin tinggi untuk perkhidmatan-perkhidmatan pengguna. Jadual 4.12 meringkaskan kadar pertumbuhan dan sumbangan sektor-sektor perkhidmatan kecil berkenaan kepada KDNK.

Jadual 4.12

**Prestasi Sektor Perkhidmatan
Pada Harga Tetap Tahun 1978
(%)**

Sektor kecil	Sumbangan kepada KDNK		Kadar Pertumbuhan Tahunan	
	1994	1995 ^a	1994	1995 ^a
Elektrik, Gas dan Air	2.3	2.3	13.7	14.0
Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	7.1	7.3	12.4	13.0
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel dan Restoran	12.2	12.1	8.0	9.0
Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	10.7	10.7	10.0	10.0
Perkhidmatan Kerajaan	10.0	9.5	9.4	4.0
Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain	2.1	2.0	7.1	6.0
JUMLAH	44.3	44.0	9.7	8.9

^a Anggaran

Permintaan pengguna tempatan yang kukuh akan menjadi sumber utama pertumbuhan sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, yang dijangka akan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 9% pada tahun 1995 (1994: 8%). Berbagai penunjuk seperti jualan makanan bertambah 14.3% untuk separuh pertama tahun 1995 (Januari-Jun 1994: 14%), jualan kereta penumpang meningkat sebanyak 53.3% dan jualan peti sejuk juga meningkat sebanyak 11.9% pada separuh pertama tahun 1995. Import untuk barangan penggunaan pula meningkat sebanyak 16.8% pada tahun 1995 (1994: 20.1%), pinjaman bank dan pendahuluan untuk penggunaan meningkat sebanyak 22.8% pada separuh pertama tahun 1995 (Januari-Jun 1994: 12.7%) manakala kutipan cukai jualan naik 19% dalam tempoh yang sama (Januari - Jun 1994: 21.5%). Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia menjangkakan seramai 7.9 juta pelancong akan tiba, bertambah dengan kadar 9.8% pada tahun 1995 berbanding 1994. Dalam menjangkakan arah aliran ini, adalah dianggarkan sebanyak 1,209 hotel (lebih daripada 10 buah bilik) dapat menyediakan 89,268 buah bilik pada tahun 1995, iaitu kenaikan 35.4% dalam penginapan hotel. Sebanyak 12 buah hotel baru dengan tambahan 4,200 buah bilik (pertambahan sebanyak 4.7%) dijangka dapat disediakan pada tahun 1996. Orang asing yang menggunakan penerbangan boleh singgah di Malaysia tanpa visa dan tinggal di Malaysia sehingga 72 jam. Kemudahan ini diberikan kepada penumpang asing yang memiliki tiket penerbangan ke negara lain dan dokumen perjalanan yang sah. Dengan kedatangan tahunan 7 hingga 8 juta orang warganegara asing, kelonggaran prosedur imigresen ini dijangka dapat menggalakkan lagi industri pelancongan dan secara langsung akan mendatangkan faedah kepada industri hotel dan kedai-kedai jualan runcit.

Sektor kewangan, insurans, hartanah (termasuk kediaman-kediaman yang didiami oleh pemilik) dan perkhidmatan perniagaan dianggarkan meningkat sebanyak 10% pada tahun 1995, selaras dengan pertumbuhan yang dialami di sektor perkilangan, pembinaan dan telekomunikasi. Langkah-langkah bertujuan untuk liberalisasi pasaran modal tempatan akan membuka jalan bagi perkembangan secara teratur dan sihat dalam sektor kewangan. Dilihat dari perspektif jangka panjang, sub-sektor kewangan

akan terus dimodenkan supaya dapat mengikuti rentak perkembangan produk kewangan yang baru dan teknologi komunikasi. Pertumbuhan teguh juga dicatatkan dalam industri insuran, dengan jumlah pendapatan premium daripada insuran nyawa dan am meningkat sebanyak 15.4% bagi suku pertama tahun 1995 (1994: 16.4%). Pelaburan di sektor hartanah sebagai satu cara melindungi kesan inflasi dan pengekal modal masih menjadi pilihan disukai bagi pelabur asing dan tempatan. Sejumlah 110,386 urus niaga bernilai RM17.05 bilion telah dicatat pada separuh pertama tahun 1995, iaitu pertambahan 9.9% dan 46.3% masing-masing jika dibanding dengan tahun 1994. Sehingga akhir Jun 1995, jumlah terkumpul sebanyak RM17.56 bilion telah dipanjangkan oleh sistem bank kepada sektor kecil hartanah, iaitu peningkatan 23%, dari tempoh yang sama tahun 1994. Sementara itu, prestasi di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kurang menyakinkan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1995. Indeks BSKL jatuh di bawah 1,000 mata di pertengahan September 1995. Jumlah dan nilai saham yang diniagakan ialah 23.97 bilion saham dengan nilai RM128.79 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 1995 (Januari-Ogos 1994: 40.1 bilion saham bernilai RM209.5 bilion), iaitu penurunan 40% dari segi jumlah dan 38.5% dari segi nilai jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 1994. Sehingga akhir September 1995, sembilan dana pelaburan telah ditubuhkan oleh syarikat sekuriti dan perbankan yang mana akan menawarkan lebih banyak peluang untuk orang ramai menyimpan tabungan mereka dengan pengurusan pelaburan profesional.

Sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan dijangka akan berkembang dengan pesatnya pada tahun 1995, mencerminkan permintaan yang kukuh untuk perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan yang lebih baik. Pertumbuhan dalam nilai ditambah untuk sektor kecil ini dianggarkan 13% pada tahun 1995 (1994: 12.4%). Pertumbuhan import yang kukuh (Januari-Ogos 1995: 27.7%), eksport (Januari-Ogos 1995: 21%) dan pembesaran rangkaian "outlet" runcit yang besar adalah faktor utama yang menyumbang kepada permintaan yang tinggi bagi semua perkhidmatan pengangkutan. Memandangkan kemungkinan jumlah perdagangan akan meningkat, usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan jalan, dan pengangkutan keretapi dan infrastruktur

pelabuhan akan dilaksanakan. Sistem Penerbangan Malaysia Bhd. (MAS) telah mula memperkembangkan kapasiti pengangkutan kargonya dengan mengubah suai dua buah jet-jambo penumpang kepada kapal terbang pengangkutan kargo dan menyewa sebuah kapal terbang pengangkutan kargo.

Perkhidmatan telekomunikasi merupakan satu lagi bidang yang mencatatkan pertumbuhan di mana lapan buah syarikat bersaing untuk mengembangkan pasaran mereka. Kedua-dua sistem digital dan analog bagi penghantaran signal sedang digunakan. Perkhidmatan terus berkembang dengan pesatnya pada tahun 1995, dengan adanya produk baru dalam bidang suara, komunikasi data dan perkhidmatan video, misalnya Perkhidmatan Rangkaian Bersepadu Digital (Integrated Service Digital Network) dan kemudahan sistem persidangan melalui video. Rangkaian sistem pengurusan untuk menghubungkan pelbagai rangkaian syarikat akan meningkatkan kapasiti dan kualiti perkhidmatan telekomunikasi. Dengan Institut Sistem Mikro-elektronik Malaysia (MIMOS) menyediakan JARING, iaitu rangkaian tempatan, rakyat Malaysia sekarang boleh mendapat maklumat yang luas yang terdapat dalam INTERNET. Pelaburan untuk memoden dan memperluaskan infrastruktur telekomunikasi juga menambahkan kapasitinya. Ini termasuk transformasi rangkaian digital yang luas di dalam negara, di mana kerja sedang dijalankan untuk menukar rangkaian pemetik dan talian transmisi kepada sistem digital. Telekom Malaysia Berhad, dalam usaha untuk memodenisasikan rangkaian komunikasinya, akan memasang rangkaian kabel optik di seluruh Malaysia. Satu lagi projek yang dikendalikan oleh Time Telecommunications akan memasang kabel dasar laut (festoon) sepanjang 1,600 km. yang mengandungi kabel optik fiber dan telah disiapkan pada September 1995. Satelit pertama Malaysia (MEASAT 1) yang dapat meningkatkan lagi perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan penyiaran dijangka akan dilancarkan pada akhir tahun 1995. Kesemua usaha-usaha ini adalah ke arah memodenkan sektor kecil telekomunikasi yang akan menggalakkan penggunaan yang lebih meluas komunikasi berbagai media, mengukuhkan aplikasi penyiaran dan memperluaskan penggunaan telefon, terutamanya di luar bandar. Adalah

dijangkakan pembelajaran jarak jauh, membeli-belah dari rumah (home shopping), trak suara berbagai dan transmisi data yang lebih baik akan menjadi kenyataan di masa akan datang.

Pertumbuhan dalam sektor **perkhidmatan kerajaan** dijangka akan meningkat sederhana sebanyak 4% pada tahun 1995 (1994: 9.4%). Pertumbuhan kukuh pada tahun 1994 disebabkan oleh pembayaran bonus satu bulan kepada kakitangan perkhidmatan awam dan perbelanjaan awam yang lebih bagi pembangunan. Pertumbuhan pada tahun 1995 dijangka berpunca dari perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi untuk menyiapkan kemudahan perlu seperti pembinaan pusat pentadbiran baru untuk Kerajaan Persekutuan di Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Sepang dan Perkampungan Sukan Komanwel di Bukit Jalil.

Jadual 4.13

**Penunjuk Prestasi untuk Pengangkutan,
Penyimpanan, Telekomunikasi,
Bekalan Elektrik dan Air
Bagi Tempoh Januari-Julai
(% perubahan tahunan)**

	1994	1995
Sistem Penerbangan Malaysia	9.9	15.8
Hasil dari kargo		
Hasil dari penumpang	17.3	8.4
KTM Berhad		
Hasil dari kargo	13.2	4.2
Hasil dari penumpang	-15.5	-7.3
Lapan pelabuhan utama		
Pengendalian kargo	8.4	12.9
Kargo berkontainer	24.3	24.9
Telekom Malaysia Berhad		
Pelanggan telefon baru	16.5	29.4
Tenaga Nasional Berhad		
Penggunaan elektrik	15.1	14.6
Kapasiti terpasang	17.9	12.1
Jabatan Kerja Raya		
Penggunaan Air	10.7	10.8
Kapasiti Bekalan	9.8	8.9

Sumber: MAS, KTM, TMB, TNB, JKR dan Pelabuhan utama.

Perkembangan ekonomi yang kukuh dan perindustrian yang pesat telah meningkatkan penggunaan utiliti, justeru itu meningkatkan pertumbuhan nilai ditambah bagi sektor elektrik, gas dan air kepada angka dua digit semenjak 1989. Sektor ini dijangka dapat mengekalkan prestasinya pada tahun 1995, dengan pertumbuhan nilai ditambah dianggarkan pada 14% pada 1995 (1994: 13.7%). Dari segi penggunaan elektrik, ia dianggarkan akan bertambah sebanyak 14.6% pada tahun 1995 (1994: 15.1%) manakala kapasiti terpasang diunjur meningkat dengan ketara sebanyak 12.1% pada 1995 (1994: 17.9%) oleh sebab penambahan kapasiti yang dijangkakan dari Pengeluar Tenaga Persendirian (IPPs).

Kapasiti terpasang (installed capacity) dijangka meningkat lagi di antara tahun 1995 dan 2000 dengan penambahan program meningkatkan logi oleh TNB dan penyaluran oleh pelbagai projek penjanaan elektrik oleh IPPs. Penggunaan air akan terus meningkat pada tahun 1995, dengan anggaran pertumbuhan sebanyak 10.8% (1994:10.7%) dan mencapai 7,000 juta liter sehari, manakala kapasiti keluaran air dianggarkan bertambah sebanyak 8.9% kepada 9,050 juta liter sehari pada tahun 1995.

Pada keseluruhannya sektor perkhidmatan dijangka akan merakamkan prestasi kukuh seperti dicerminkan oleh penunjuk-penunjuk berkenaan dalam jadual 4.13.